



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## CABARAN BEBANAN TUGAS TERHADAP AMALAN PROFESIONALISME GURU TABIKA PERPADUAN

HAIZA HAYATI BINTI BAHRUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH PENDIDIKAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memahami kesan bebanan tugas terhadap amalan profesionalisme Guru Tabika Perpaduan (GTP) dari aspek etika, amalan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran serta keberkesanan amalan kolaborasi di antara guru dan pentadbir dalam membantu menguruskan bebanan tugas. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik-teknik temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan triangulasi data. Pemilihan subjek kajian menggunakan persampelan bertujuan melibatkan empat orang GTP daerah Kampar, Perak. Hasil kajian menunjukkan bahawa GTP mendefinisikan bebanan tugas sebagai tugas-tugas seperti pengurusan fail, aktiviti-aktiviti luar, pengurusan aset dan inventori, tugas perkeranian dan arahan semasa dari pentadbir. Bebanan tugas ini memberikan kesan dan menjelaskan persediaan dan pelaksanaan rancangan pengajaran, bahan bantu mengajar dan tumpuan kepada kanak-kanak. Kajian ini juga mendapat bahawa GTP memahami ciri-ciri profesionalisme seorang guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Kekangan masa yang berpunca daripada bebanan tugas adalah antara faktor yang menghalang proses pembelajaran sepanjang dan perkembangan profesional GTP. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa bebanan tugas memberi kesan kepada etika tanggungjawab GTP terhadap kanak-kanak, keluarga, rakan dan pentadbir serta komuniti dan masyarakat. Namun bebanan tugas tidak menjelaskan tanggungjawab GTP terhadap hubungan baik secara individu dengan kanak-kanak dan keluarga. Bebanan tugas juga menjelaskan keberkesanan amalan reflektif GTP di dalam pengajaran dan pembelajaran. Amalan kolaborasi dapat membantu menguruskan bebanan tugas GTP. Secara kesimpulannya bebanan tugas memberi kesan kepada amalan profesionalisme GTP secara langsung dan tidak langsung. Kajian ini memberi implikasi kepada GTP secara langsung dan tidak langsung. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa bebanan tugas mempengaruhi kualiti perkhidmatan GTP.



05

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil ShahPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



## THE CHALLENGE OF WORKLOAD ON TABIKA PERPADUAN TEACHER'S PROFESSIONALISM

### ABSTRACT

The purpose of this study was to understand the impacts of workload on the professionalism Teachers of Tabika Perpaduan (GTP) in terms of ethics, reflective practice in teaching and learning and the effectiveness of collaborative practices between teachers and administrators in helping to manage the workload. This study is a case study conducted using qualitative methods through interviewing, observation, document analysis and data triangulation. The selection of the subject using purposive sampling to involve four GTP from Kampar, Perak. The results show that the GTP defines the workload as tasks such as file management, outsourcing, asset management and inventory, clerical duties and current instructions from administrators. This workload affects the preparation and implementation of lesson plans, teaching aids and focus on children. The study also found that GTP understands the professionalism of a Child Early Childhood Education teacher. The time constraints arising from the workload are among the factors that prevent the learning process as long as the GTP professional development. The findings also show that the workload affects the GTP's ethical responsibility towards children, families, friends and administrators as well as communities. But the workload does not affect the responsibilities of the GTP on individual affiliations with children and families. The workload also affects the effectiveness of the GTP's reflective practice in teaching and learning. Collaboration practices can help manage GTP's workload. In summary, the workload affects GTP professionalism directly and indirectly. The implication of this study shows that the burden of duties affects of GTP services.





## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi



### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia	2
1.2.2 Sejarah penubuhan Tabika Perpaduan	2
1.2.3 Tugas-tugas Guru Tabika Perpaduan	6
1.2.3.1 Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018	6
1.2.3.2 Panduan Kenaziran JPNIN	15
1.2.4 Tugas-Tugas Yang Menjadi Bebanan Guru Tabika Perpaduan	21
1.2.4.1 Pengurusan dan Pentadbiran Kelas	22





1.2.4.2 Pengurusan Kewangan Kelas	23
1.2.4.3 Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran	24
1.2.4.4 Penyediaan dan Pengendalian Makan dan Minum Kanak-Kanak	26
1.2.4.5 Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan Kelas	27
1.2.4.6 Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan	30
1.3 Pernyataan Masalah	32
1.4 Tujuan Kajian	48
1.5 Objektif Kajian	50
1.6 Persoalan Kajian	50
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	51
1.8 Definisi Operasional Kajian	53
1.8.1 Cabaran Bebanan Tugas	53
1.8.2 Amalan Profesionalisme Guru Tabika Perpaduan	54
1.8.3 Amalan Etika Guru Tabika Perpaduan	54
1.8.4 Guru Tabika Perpaduan	55
1.8.5 Proses Pengajaran dan Pembelajaran	56
1.8.6 Pentadbiran	56
1.8.7 Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan	56
1.9 Kepentingan Kajian	57
1.10 Batasan Kajian	59
1.11 Kesimpulan	60





## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	62
2.2 <i>Multidimensional Theory of Burnout</i>	63
2.2.1 Pengenalan	63
2.2.2 Pembangunan <i>Multidimensional Theory of Burnout</i>	65
2.2.2.1 <i>Engagement</i>	69
2.2.2.2 <i>Job-Person Mismatches</i>	71
2.2.3 Perkaitan Di antara Tiga Dimensi <i>Burnout</i>	75
2.3 Kerangka Teoretikal Kajian	80
2.4 Profesionalisme Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak	81
2.5 Standard ke-6 dalam <i>Standards for Early Childhood Professional Preparation Programs NAEYC</i> (2009)	84
2.6 <i>Code of Ethical Conduct NAEYC</i> (2005)	92
2.6.1 Seksyen I : Etika Tanggungjawab Terhadap Kanak-Kanak	94
2.6.2 Seksyen II : Etika Tanggungjawab Terhadap Keluarga	96
2.6.3 Seksyen III : Etika Tanggungjawab Terhadap Rakan	98
2.6.4 Seksyen IV : Etika Tanggungjawab Terhadap Komuniti dan Masyarakat	100
2.7 Menjadi Seorang Guru Yang Reflektif	103
2.7.1 Pengajaran Reflektif Di Dalam Standard Pengajaran	104
2.8 Sistem Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia	105
2.9 Pendidikan Prasekolah	107
2.10 Falsafah Pendidikan Prasekolah dan Peranan Tabika Perpaduan	108
2.11 Fungsi Tabika Perpaduan Kepada Perpaduan Negara	114





2.12 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Bebanan Tugas Guru	116
2.13 Kesimpulan	133

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	135
3.2 Reka Bentuk Kajian	136
3.2.1 Kajian Kualitatif	137
3.2.2 Kajian Kes	137
3.3 Subjek Kajian dan Lokasi	142
3.4 Persampelan Bertujuan	144
3.5 Instrumen Kajian	145



3.5.1.1 Pembinaan Soalan Temu Bual	147
3.5.2 Pemerhatian	149
3.5.3 Analisis Dokumen	153
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	154
3.6.1 Temu Bual	154
3.6.2 Pemerhatian	156
3.6.3 Analisis Dokumen	159
3.6.4 Kaedah Triangulasi Data	159
3.7 Kaedah Menganalisis Data	161
3.7.1 Analisis Data Temu Bual	161
3.7.2 Analisis Data Pemerhatian	162





3.7.3 Analisis Dokumen	163
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	164
3.8.1 Kesahan	164
3.8.2 Kebolehpercayaan	169
3.9 Isu-Isu Etika	169
3.10 Kajian Rintis	170
3.11 Kesimpulan	172

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	174
4.2 Latar Belakang Guru Tabika Perpaduan (GTP)	176
4.3 Persepsi GTP Terhadap Bebanan Tugas	183
4.3.1 Persepsi GTP Terhadap Bebanan Tugas Secara Umum	183
4.3.2 Senario Perubahan Skop Tugas GTP	187
4.3.3 Kesan Bebanan Tugas Kepada GTP	190
4.3.3.1 Kesan Bebanan Tugas Kepada GTP Secara Umum	190
4.3.3.2 Kesan Bebanan Tugas Kepada Proses Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian	192
4.3.3.3 Kesan Bebanan Tugas Kepada Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah	194
4.3.3.4 Kesan Bebanan Tugas Kepada Persediaan Bahan-Bahan Bantu Mengajar	197
4.3.3.5 Kesan Bebanan Tugas Kepada Tumpuan Guru Terhadap Kanak-Kanak	199
4.4 Persepsi Guru Tabika Perpaduan (GTP) Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK)	203





4.4.1 Persepsi GTP Terhadap Profesionalisme Guru PAKK Secara Umum	203
4.4.2 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Perkembangan Profesionalisme GTP	208
4.4.3 Menyokong perkembangan kanak-kanak. Keluarga dan Kerjaya	213
4.5 Kesan Bebanan Tugas Terhadap Amalan Etika Guru Tabika Perpaduan (GTP)	218
4.5.1 Kesan Kepada Etika Tanggungjawab Terhadap Kanak-Kanak	218
4.5.1.1 Komunikasi Dua Hala Antara GTP dan Kanak-Kanak	
4.5.1.2 Pelaksanaan Penilaian dan Pentaksiran Perkembangan Kanak-Kanak	220
4.5.1.3 Membina Hubungan Secara Individu Dengan Kanak-Kanak	221
4.5.2 Kesan Kepada Etika Tanggungjawab Terhadap Keluarga	228
4.5.2.1 Komunikasi Berkesan dan Perkongsian Maklumat Perkembangan Kanak-Kanak dengan Ibu Bapa	228
4.5.2.2 Penerangan Sistem Penilaian dan Pentaksiran Perkembangan Kanak-Kanak	230
4.5.3 Kesan Kepada Etika Tanggungjawab Terhadap Rakan dan Pentadbir	235
4.5.3.1 Perkongsian Ilmu dan Bahan-Bahan Pengajaran	235
4.5.3.2 Tindakan Melanggar Etika dan Polisi	235
4.5.3.3 Pematuhan Polisi JPNIN dan KSPK	236
4.5.3.4 Arahan Yang Menyalahi Polisi dan Etika	238
4.5.4 Kesan Kepada Etika Tanggungjawab Terhadap Komuniti dan	243





## Masyarakat

4.5.4.1 Perkhidmatan PAKK Yang Berkualiti	243
4.5.4.2 Isu Kesejahteraan Kanak-Kanak, Keluarga dan Masyarakat	245
4.5.4.3 Sebaran Maklumat Berkaitan Polisi, Kurikulum dan Perkhidmatan	246
4.6 Pemerhatian Terhadap Kesan Bebanan Tugas Kepada Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru Tabika Perpaduan (GTP)	253
4.6.1 Pengenalan	253
4.6.2 Elemen I : Guru Mengenali Dirinya	257
4.6.3 Elemen II : Guru Mendalami Sesuatu Yang Menyentuh Hati dan Pemikirannya	261
4.6.4 Elemen III : Guru Memahami Dari Perspektif Kanak-Kanak	265



4.6.5 Elemen IV : Guru Memahami Persekutaran Fizikal dan Emosi Kanak-Kanak	270
--	-----

4.6.6 Elemen V : Guru Meneroka Dari Pelbagai Sudut Pandangan	275
--	-----

4.6.7 Elemen VI : Guru Mempertimbangkan Peluang dan Kemungkinan Untuk Langkah Seterusnya	279
--	-----

4.7 Strategi Yang Digunakan Untuk Membantu Menguruskan Bebanan Tugas Guru Tabika Perpaduan (GTP)	286
--	-----

4.7.1 Amalan Kolaborasi Membantu Pengurusan Bebanan Tugas	286
---	-----

4.7.2 Corak Amalan Kolaborasi Di Antara GTP Dengan Rakan dan Pentadbir	289
--	-----

4.7.3 Peranan Rakan dan Pentadbir Dalam Membantu Menguruskan Bebanan Tugas	293
--	-----

4.8 Analisis Dokumen	298
----------------------	-----





4.8.1 Pengenalan	298
4.8.2 Minit-Minit Mesyuarat	299
4.8.3 Kertas Kerja Aktiviti dan Program	304
4.8.4 Bengkel-Bengkel Berkaitan Tugas GTP	323
4.8.5 Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018	329
4.8.6 Panduan Kenaziran JPNIN	338
4.9 Kesimpulan	344

## BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN



5.1 Pengenalan	346
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	346
5.2.1 Persepsi GTP Terhadap Bebanan Tugas	347
5.2.2 Tahap Pemahaman GTP Terhadap Profesionalisme Guru PAKK	352
5.2.3 Kesan Bebanan Tugas Terhadap Amalan Etika GTP	356
5.2.4 Kesan Bebanan Tugas Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran GTP	365
5.2.5 Strategi Yang Dapat Membantu Menguruskan Bebanan Tugas GTP	372
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	377
5.3.1 Persepsi GTP Terhadap Bebanan Tugas	378
5.3.2 Tahap Pemahaman GTP Terhadap Profesionalisme Guru PAKK	382
5.3.3 Kesan Bebanan Tugas Terhadap Amalan Etika GTP	388





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
XV

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.3.4 Kesan Bebanan Tugas Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran GTP	399
5.3.5 Strategi Yang Dapat Membantu Menguruskan Bebanan Tugas GTP	408
5.4 Implikasi Kajian	412
5.4.1 Pengenalan	412
5.4.2 Implikasi Kajian Kepada GTP	412
5.4.3 Implikasi Kajian Kepada Pentadbir	415
5.5 Cadangan	417
5.5.1 Cadangan Penilaian dan Kajian Semula Bidang Tugas dan Tanggungjawab GTP	418
5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan Pada Masa Akan Datang	419
5.5.3 Cadangan Pembinaan Modul Amalan Kolaborasi dan Pengurusan Masa	420
5.6 Kesimpulan	422
<b>RUJUKAN</b>	<b>427</b>
<b>LAMPIRAN</b>	



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
3.1	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	142
3.2	Profil Informan Berdasarkan Umur dan Pengalaman Mengajar	143
3.3	Kriteria Pemilihan Informan Kajian	144
3.4	Soalan Kajian &Mod Pengumpulan Data dan Tema	148
3.5	Adaptasi dari <i>The Thinking Lens</i> (M.Carter & D.curtis, 2009)	151
3.6	Dokumen-dokumen Berkaitan Bebanan Tugas Guru Tabika Perpaduan	153
3.7	Kesahan Pakar Soalan Kajian dan Temu bual	166
4.1	Persepsi GTP Berkaitan Bebanan Tugas Secara Umum	187
4.2	Perubahan Skop Tugas GTP	190
4.3	Kesan Bebanan Tugas GTP Kepada Persediaan dan Pelaksanaan Rancangan Pengajaran, Bahan Bantu Mengajar dan Tumpuan Kepada Kanak-Kanak	202
4.4	Kefahaman GTP Mengenai Profesionalisme Guru PAKK	217
4.5	Kesan Bebanan Tugas Kepada Etika Tanggungjawab GTP terhadap Kanak-kanak	227
4.6	Kesan Bebanan Tugas Kepada Etika Tanggungjawab GTP terhadap Keluarga	234
4.7	Kesan Bebanan Tugas Kepada Etika Tanggungjawab GTP terhadap Rakan dan Pentadbir	242
4.8	Kesan Bebanan Tugas Kepada Etika Tanggungjawab GTP terhadap Komuniti dan Masyarakat	252





4.9	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Pertama Senarai Semak Amalan Reflektif	261
4.10	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Kedua Senarai Semak Amalan Reflektif	265
4.11	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Ketiga Senarai Semak Amalan Reflektif	269
4.12	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Keempat Senarai Semak Amalan Reflektif	274
4.13	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Kelima Senarai Semak Amalan Reflektif	279
4.14	Pencapaian GTP Terhadap Elemen Keenam Senarai Semak Amalan Reflektif	284
4.15	Keputusan Senarai Semak Amalan <i>Reflektif The Thinking Lens</i>	285
4.16	Keberkesanan Amalan Kolaborasi Dalam Membantu Menguruskan Bebanan Tugas GTP	297
4.17	Analisis Dokumen Minit Mesyuarat dan Kertas Kerja Aktiviti, Program dan Bengkel	226





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xviii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	52
2.1 <i>Six-Areas of Job-Person Fit</i> (Christina Maslach, 1998)	73
2.2 <i>Model of Burnout. Maslach Burnout Inventory by Christina Maslach</i> (1996)	80
2.3 Kerangka Teoretikal Kajian	81
3.1 Reka Bentuk Kajian	141
3.2 Triangulasi Data Kajian	161



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiX

## SENARAI SINGKATAN

AKP	Anggota Kumpulan Pelaksana
ECCE	<i>Early Childhood Care and Education</i>
GTP	Guru Tabika Perpaduan
IBE	<i>International Bureau of Education</i>
ICT	Teknologi Maklumat
IKLIN	Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPTP	Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

05-4506832  
JUpustaka.upsi.edu.my  
JurulatihPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KDC	Kursus Dalam Cuti
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
NPQEL	<i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i>
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
XX

PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPG	Pemantapan Profesional Guru
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPBT	Stor Simpanan Buku Teks
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSO	<i>Single Sign On</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xxi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Memohon Menjalankan Kajian
- B Borang Temu Bual Sebelum Pemerhatian
- C Borang Temu Bual Selepas Pemerhatian
- D Borang Analisis Rancangan Pengajaran Harian
- E Panduan Kenaziran JPNIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan** [pendahuluan.edu.my](http://pendahuluan.edu.my)Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

*Morrison* (2011) dalam buku beliau bertajuk *Early Childhood Education Today* menjelaskan bahawa guru pendidikan awal kanak-kanak yang profesional merupakan seorang pendidik yang berjaya mengajar kesemua muridnya dan mengamalkan standard profesionalisme berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuannya. Seorang guru Tabika Perpaduan perlu mempunyai ciri-ciri sebagai guru profesional pendidikan awal kanak-kanak ialah berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajaran, melaksanakan program pendidikan dengan baik untuk membolehkan kanak-kanak belajar dan mencapai perkembangan secara holistik, berkemampuan membawa isu-isu berkaitan kanak-kanak dan keluarga kepada umum, mengamalkan amalan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran dan mengadakan kolaborasi bersama rakan sekerja dan keluarga kanak-kanak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

### 1.2.1 Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia

*Malaysia Early Childhood Care and Education (ECCE) Programmes (2007)* yang disusun oleh UNESCO International Bureau of Education (IBE) di Geneva, Swirtzerland telah menetapkan bahawa penjagaan dan pendidikan kanak-kanak diletakkan di bawah dua kumpulan iaitu kumpulan pertama 0 hingga 4 tahun diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi mengendalikan program berkaitan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak ini. Manakala kumpulan kedua ialah kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun diletakkan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian



### 1.2.2 Sejarah Penubuhan Tabika Perpaduan

#### i. Pengenalan

Tabika Perpaduan atau Taman Bimbingan Kanak-Kanak mula diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 1979 dan kini ianya di letakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Tabika ini dibuka di kawasan bandar dan pinggir bandar yang mempunyai Rukun Tetangga dengan mensasarkan golongan pelbagai kaum untuk menghantar anak-anak ke tabika ini. Seperti juga tabika KEMAS, Tabika Perpaduan





juga menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak kepada kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun supaya nilai-nilai perpaduan dan kemasyarakatan dapat diterapkan di dalam jiwa anak-anak ini (JPNIN, 2017). Berdasarkan statistik JPNIN 2015 yang diperolehi dari laman sesawang Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), terdapat sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan telah ditubuhkan di seluruh negara. Setiap Tabika Perpaduan mendapat peruntukan RM 2.00 bagi setiap kanak-kanak untuk makanan dan RM 100.00 untuk setiap kanak-kanak bagi keperluan bahan bantu mengajar setahun. Usaha memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia terus berkembang dengan penubuhan Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang turut memberikan impak terhadap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan awal untuk anak-anak bagi persediaan pendidikan di aliran perdana.



Sejarah penubuhan dan perkembangan Tabika Perpaduan di Malaysia yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mula diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat iaitu sebanyak 25 buah kelas ditubuhkan sebagai projek rintis. Ia diwujudkan di bandar dan pinggir bandar khususnya kawasan yang mempunyai Rukun Tetangga. Tabika perpaduan dilaksanakan bagi menyediakan pendidikan awal kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun bagi membolehkan mereka menghayati nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat serta persediaan ke alam persekolahan kelak.





## ii. Objektif Penubuhan Tabika Perpaduan

Berdasarkan sumber maklumat dari laman sesawang rasmi JPNIN, antara objektif-objektif penubuhan Tabika Perpaduan ialah menyemai dan memupuk semangat muhibah, kejiran dan perpaduan dikalangan kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat. Pembelajaran yang dijalankan adalah bertujuan memperkembangkan keupayaan fizikal serta mempraktikkan amalan kesihatan dan keselamatan yang betul. Kanak-kanak digalakkan mengamalkan nilai-nilai murni, kerohanian dan moral yang positif serta nilai agama dalam kehidupan seharian. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah menggalakkan kewujudan perasaan ingin tahu melalui pelbagai deria ke arah pembentukan kognitif, penaakulan dan penyelesaian masalah serta meneroka ilmu pengetahuan. Selain itu di Tabika Perpaduan, kanak-kanak digalakkan menghormati



dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Akhir sekali objektif penubuhan Tabika Perpaduan ialah untuk memperkembangkan konsep kendiri ke arah pembentukan peribadi dan perwatakan yang memperkembangkan daya kreatif dan estetika.

## iii. Pendidikan Ko-kurikulum Tabika Perpaduan

Pendidikan Ko-kurikulum merupakan salah satu aktiviti atau program yang ditekankan perlaksanaannya dalam pendidikan prasekolah di kelas-kelas Tabika Perpaduan. Objektif utama perlaksanaannya adalah sebagai mekanisme penyemaian dan pemupukan sikap kendiri dan personaliti seimbang di kalangan kanak-kanak. Kegiatan ini juga menjadi asas kepada ibu bapa dan penjaga dan masyarakat setempat untuk





berinteraksi dan bertemu dalam kegiatan kemasyarakatan melalui program yang dilaksanakan. Pertemuan dan perjumpaan yang sering dilaksanakan melalui kegiatan kelas dan ko-kurikulum ini didapati memberi impak positif terhadap pemupukan sosialisasi yang sihat dalam kalangan masyarakat setempat. Antara jenis aktiviti dan program tersebut adalah Kelas Fardu Ain dan Pertandingan Kesenian, Muzik dan Budaya (Melukis, Mewarna, Membaca, bercerita, Tarian, Bersajak, Pakaian Beragam, Permainan Muzik dan Pertandingan Lagu Patriotik, Sukaneka, Tabikarama, Program Bumi Hijau, Lawatan Sambil Belajar, Sambutan Hari Bersejarah, Sambutan Hari Peristiwa, Sambutan Harijadi dan Perayaan Pelbagai Kaum). Pola sosialisasi yang kerap berlaku ini akan mewujudkan hubungan, interaksi dan semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak., ibu bapa serta masyarakat umum. Mengikut analisa “Kajian Keberkesanan Kurikulum dan Ko-kurikulum Serta Latihan Guru Tabika Perpaduan” yang dilaksanakan oleh Profesor Dr. Fatimah Daud pada tahun 2007 menunjukkan bahawa kegiatan ko-kurikulum telah membantu dalam penyemaian perpaduan kaum. Perlaksanaannya juga didapati pada tahap yang baik dan memuaskan. Oleh yang demikian, langkah-langkah bagi meningkatkan perlaksanaan aktiviti ko-kurikulum perlu diteruskan.

#### iv. Pendidikan Kurikulum Tabika Perpaduan

Berdasarkan maklumat dari sumber yang sama menjelaskan bahawa Tabika Perpaduan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berkuat kuasa pada 01 Januari 2003. Namun kini Tabika Perpaduan telah menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 dan Semakan 2017





yang mempunyai tunjang-tunjang berikut iaitu Komunikasi, Bahasa Melayu, English Language, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Ketrampilan Diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika, Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan, Kreativiti dan Estetika dan Sains dan Teknologi, Tunjang Awal Sains, Awal Matematik dan Kemanusiaan.

### 1.2.3 Tugas Guru Tabika Perpaduan

Tugas-tugas diluar bidang guru Tabika Perpaduan (GTP) adalah terkandung di dalam dokumen-dokumen rasmi iaitu Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2014, MS ISO 9001:2008 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Panduan Kenaziran



#### 1.2.3.1 Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018

Pekeliling Tabika Perpaduan ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 8(a) Akta Rukun Tetangga di mana penubuhan Tabika Perpaduan adalah di bawah Rukun Tetangga dengan menjalankan aktiviti pendidikan, kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat melalui institusi prasekolah Tabika Perpaduan. Pekeliling ini dikeluarkan selaras Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang mana Ketua Pengarah boleh mengeluarkan sebarang panduan, pekeliling atau arahan yang diperlukan. Tanggungjawab seorang GTP merangkumi pentadbiran dan pengendalian kelas, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan, pengendalian akaun kelas, keselamatan,





kebersihan dan keceriaan kelas dan penyediaan dan pengendalian makanan. Didalam pekeliling ini GTP ditakrifkan sebagai seorang guru yang mengajar di kelas Tabika Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN).

### i. Pentadbiran dan Pengendalian Kelas Tabika Perpaduan

Pentadbiran dan pengendalian kelas merujuk kepada peraturan dan prosedur dalam urusan pentadbiran dan pengendalian kelas Tabika Perpaduan. Pengendalian, pengurusan dan perlaksanaan Tabika Perpaduan sebagai sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak adalah tertakluk dibawah dasar dan peraturan-peraturan serta garis panduan tertentu. Oleh itu, pekeliling ini sebagai panduan dalam perlaksanaannya. GTP



ber tanggungjawab dalam mempromosikan pendaftaran dan pengambilan kanak-kanak ke Tabika Perpaduan dengan melakukan promosi sepanjang tahun, menyedia, mengedar dan menerima borang permohonan kemasukan ke Tabika Perpaduan. Selain itu, tugas dan tanggungjawab GTP dalam pengurusan dan pengendalian Tabika Perpaduan ialah memastikan waktu bertugas dipatuhi iaitu waktu mula bertugas adalah selama tujuh jam sehari bagi sesi pagi bermula 7.30 pagi sehingga 2.30 petang dan sesi petang ialah 10.30 pagi sehingga 5.30 petang. Sesi persekolahan dilaksanakan selama lima hari seminggu dan waktu pembelajaran pula adalah selama 20 jam seminggu. Antara tugas lain yang perlu dilaksanakan oleh GTP dibawah pekeliling pentadbiran dan pengendalian Tabika Perpaduan ialah melaksanakan urus tadbir kelas secara manual dan melalui sistem *on-line* yang ditetapkan. GTP perlu mengikuti latihan peningkatan profesionalisme guru seperti bengkel, kursus, ceramah dan seminar yang berkaitan pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu GTP perlu membantu perlaksanaan





tugas rasmi pengurusan pendidikan awal kanak-kanak di peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri serta memebantu perlaksanaan kegiatan ko-kurikulum, program rasmi jabatan, aktiviti kemasyarakatan dan komuniti setempat. GTP hendaklah memastikan bahawa mereka mengikuti senarai tugas seperti di dalam Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja. GTP juga perlu mematuhi etika berpakaian seperti berpakaian yang sesuai dan memakai tanda nama semasa bertugas. Semasa melakukan aktiviti fizikal seperti bersukan GTP dibenarkan berpakaian sukan. Manakala semasa melakukan tugas rasmi GTP perlulah berpakaian pejabat atau korporat.

Semua rekod dan dokumen di kelas Tabika Perpaduan perlulah diuruskan dan dikemas kini oleh GTP dengan menyusun dan menyimpannya dengan baik bagi memudahkan ianya diambil bila diperlukan. Keselamatan semua rekod dan dokumen

tersebut hendaklah diutamakan. Antara rekod-rekod yang perlu diuruskan oleh GTP ialah Pekeling-Pekeling Jabatan, Garis Panduan dan Surat-Surat Arahan Pentadbiran, Pernyataan Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan, Rekod Guru dan Perakam Waktu, Rekod Kedatangan Kanak-Kanak dan Buku Pelawat. GTP perlulah memastikan Pekeling-Pekeling Jabatan, Garis panduan dan Surat-Surat Arahan Pentadbiran yang diedarkan dari masa ke semasa sentiasa disimpan dengan baik, di selenggara dan dikemas kini. Pernyataan Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan juga perlu dipamerkan di kelas, di selenggara dan dikemas ini dengan baik. Semua GTP perlu mematuhi waktu bertugas seperti yang ditetapkan dan perlu merekodkan kedatangan bertugas di dalam Rekod Kedatangan Guru atau Kad Perakam Waktu pada setiap hari persekolahan. GTP perlu mengisi Rekod Kedatangan Kanak-kanak pada setiap hari iaitu sejam selepas kelas bermula. Maklumat yang terdapat di dalam Rekod Kedatangan Kanak-Kanak hendaklah dikemas kini pada setiap masa. Buku Pelawat di





kelas Tabika Perpaduan hendaklah disediakan mengikut dua kategori iaitu Rekod Lawatan Pegawai JPNIN dan Rekod Lawatan Pegawai atau Agensi Luar.

Setiap kelas Tabika Perpaduan hendaklah melaksanakan penggunaan sistem maklumat pendidikan prasekolah yang ditetapkan seperti diarahkan dari masa ke semasa. Semua maklumat di dalam sistem maklumat hendaklah sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa mengikut arahan yang ditetapkan. Semua kelas hendaklah mempunyai talian internet bagi memudahkan kemasukan dan kemas kini data untuk memastikan laporan yang diperolehi adalah terkini dan sah. GTP yang tidak mematuhi arahan pengemaskinian maklumat di dalam sistem seperti yang diarahkan boleh dikenakan tindakan.



## **ii. Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP)**

Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) ditubuhkan bagi meningkatkan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat tempatan. Selain itu, penubuhannya bertujuan untuk meningkatkan imej Tabika Perpaduan dengan memastikan proses pembelajaran dan pengurusan Tabika Perpaduan berkualiti dan berjalan lancar. Antara fungsi jawatankuasa ini ialah merancang dan melaksanakan aktiviti bersesuaian ke arah meningkatkan kualiti Tabika Perpaduan dan perkembangan kanak-kanak dari aspek kebajikan, kesihatan, pemakanan dan keselamatan, membantu dan bekerjasama dengan GTP dalam menyediakan bahan bantu mengajar, menjalinkan jaringan hubungan (*networking*) dengan agensi-agensi





kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan serta pemimpin komuniti setempat dan seterusnya mempertingkatkan imej kelas Tabika Perpaduan.

GTP secara automatik akan memegang jawatan sebagai Setiausaha di dalam jawatankuasa ini dan bertanggungjawab menguruskan segala surat-menyurat Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan, menguruskan mesyuarat, menyediakan dan menyimpan minit semua mesyuarat serta menghantar salinan kepada Pegawai Perpaduan Daerah. Selain itu, GTP juga bertanggungjawab memasukkan semua maklumat mesyuarat dan laporan aktiviti JPTP ke dalam sistem e-TP, menyelenggarakan dan menyimpan dokumen dan rekod-rekod lain, memanggil mesyuarat penubuhan JPTP, menyediakan laporan tahunan JPTP, menjadi salah seorang penandatangan untuk pengeluaran wang daripada akaun bank tabika bersama



yuran atau sumbangan dan menandatangi resit pembayaran serta menguruskan dan menyediakan rekod-rekod seperti harta modal dan inventori. Seterusnya GTP bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas lain yang biasa diselenggarakan oleh seorang Setiausaha dan yang diarahkan oleh Jabatan.

### iii. Pengendalian Akaun Kelas Tabika Perpaduan

Pekeling ini menjelaskan tentang tatacara pengendalian akaun kelas Tabika Perpaduan kepada Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) khususnya kepada GTP dan penolong guru. Peranan pegawai-pegawai Jabatan dalam penyeliaan dan pemantauan Akaun kelas Tabika Perpaduan juga diperincikan dalam garis panduan





ini. GTP sebagai Setiausaha bertanggungjawab menandatangani pengeluaran wang daripada akaun bank semasa ketiadaan pengurus dan meluluskan bersama Bendahari semasa ketiadaan Pengurus perbelanjaan yang tidak melebihi RM400.00 tetapi perlu dibentangkan di dalam mesyuarat JPTP. GTP juga bertanggungjawab menandatangani sebarang baucar bayaran yang dilakukan serta menyediakan anggaran perbelanjaan bagi semua aktiviti di peringkat kelas dan membentangkannya dalam mesyuarat JPTP. Selain itu GTP juga ditugaskan untuk mengendalikan aset alih kerajaan dan stok tabika dan mengesahkan resit dan buku tunai yang disediakan oleh Bendahari. GTP juga perlu mengesahkan penyata perbelanjaan bulanan dan tahunan dengan menurunkan tandatangan.

**iv. Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan**

Pekeliling ini memberi penjelasan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin sepanjang masa di tabika Perpaduan. Langkah-langkah keselamatan untuk kanak-kanak Tabika Perpaduan telah digariskan dalam Pelan Pengurusan Risiko Jabatan. Perincian dan panduan yang diberikan dalam pekeliling ini adalah sebagai panduan langkah-langkah keselamatan umum yang perlu dipatuhi di Kelas Tabika Perpaduan. Antara langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh GTP bagi mengelakkan kecederaan, kemalangan dan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan kanak-kanak ialah GTP perlu berada di kelas setengah jam lebih awal untuk menyambut kedatangan kanak-kanak. Sepanjang masa persekolahan, jeriji dan pintu pagar hendaklah ditutup dan dikunci. Kunci tersebut perlulah dilabelkan dan diletakkan di tempat khas yang mudah dilihat. GTP perlu





memastikan hanya ibu bapa atau penjaga sahaja yang dibenarkan untuk mengambil kanak-kanak di kelas. Sekiranya kanak-kanak menaiki bas atau kenderaan lain, GTP mesti memastikan mereka selamat menaiki kenderaan tersebut.

GTP bertanggungjawab melengkapkan borang maklumat ibu, bapa atau penjaga yang menghantar dan mengambil kanak-kanak dalam profil mereka. GTP juga perlu mengambil maklumat penjaga selain daripada ibu, bapa atau penjaga yang mengambil kanak-kanak sewaktu sesi persekolahan. Pengesahan secara lisan daripada ibu, bapa atau penjaga hendaklah diperolehi sebelum kanak-kanak tersebut dibenarkan keluar. Orang yang tidak dikenali dan mencurigakan tidak dibenarkan berada di dalam kelas atau sekitar kawasan kelas Tabika Perpaduan sepanjang masa persekolahan. Selain itu, buku keluar masuk kanak-kanak sewaktu sesi persekolahan hendaklah diwujudkan.



Bangunan dan peralatan yang tidak sempurna atau tidak diselenggarakan dengan boleh membawa kepada kecederaan dan kemalangan yang tidak diingini. GTP perlu mengambil tindakan pencegahan seperti berikut; memastikan ruang kelas, sudut, koridor, tandas dan dapur dalam keadaan terang dipasang lampu, petunjuk arah ‘KELUAR’ hendaklah dipasang pada setiap pintu kelas, menyimpan peralatan yang tajam di tempat yang selamat dan tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak serta memastikan bilik stor dibersihkan, disusun atur dan sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih bagi mengelakkan bilik stor menjadi tempat pembiakan haiwan perosak yang boleh mengundang penyakit. Selain itu, guru perlu memastikan lantai kelas, ruang dapur dan bilik air sentiasa dalam keadaan bersih, kering dan tidak licin serta selamat. Ubat-ubatan dalam peti kecemasan hendaklah sentiasa diperiksa berkeadaan baik dan masih belum tamat tarikh luput. Bahan-bahan berbahaya seperti racun serangga, ubat





nyamuk, cat dan lain-lain hendaklah disimpan di tempat yang tidak boleh dilihat atau dicapai oleh kanak-kanak. GTP tidak boleh menggunakan alat atau bahan bantu mengajar yang mudah pecah dan berisiko tanpa pengawasan guru. GTP perlulah memastikan tangga mempunyai susur tangga yang sesuai. Seelok-eloknya anak tangga hendaklah rendah dan dialas dengan bahan yang lembut. Selain itu pastikan punca kuasa elektrik berada di paras yang tinggi supaya tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak dan sekiranya berada di paras rendah perlulah ditutup. GTP perlulah elakkan penggunaan lampu meja, lampu berkaki, kipas meja, kipas kotak dan berkaki. Di samping itu, guru perlu memastikan pokok-pokok dalam padang permainan terdiri daripada jenis yang tidak bahaya, tidak berduri dan beracun. GTP perlu memastikan tiada sebarang kerja-kerja memotong rumput semasa sesi persekolahan untuk mengelakkan sebarang kecederaan. GTP perlulah mengawasi keselamatan kanak-



kanak semasa melintas sewaktu datang dan pulang serta tiada kenderaan diletakkan di pintu utama kelas bagi mengelakkan gangguan sekiranya berlaku kecemasan.

GTP dan penolong guru perlu mengambil langkah –langkah pengawasan dan pencegahan bagi mengelakkan perkara-perkara di luar jangkaan khususnya kebakaran. Tindakan-tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut; guru perlu memastikan kelas mempunyai dua pintu keluar dan masuk, GTP perlu memastikan semua peralatan yang mudah terbakar seperti mancis dan pemetik api disimpan di tempat selamat dan tidak membenarkan kanak-kanak bermain di kawasan dapur tanpa pengawasan GTP. Ibu bapa dan pelawat haruslah dimaklumkan bahawa kawasan tabika adalah kawasan ‘LARANGAN MEROKOK’ GTP perlulah tahu mengendalikan alat pemadam api dan ala tersebut diselenggarakan dengan baik oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Pelan Tindakan Pergerakan Kecemasan hendaklah disediakan dan dipamerkan serta





dipraktikkan sebagai latihan. Pelan Lantai Bangunan dengan penunjuk arah jalan keluar ketika kecemasan juga disediakan. Latihan Kawad Kecemasan dan laporannya perlulah dilakukan sekurang-kurangnya dua kali setahun di kelas sebagai latihan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

#### v. Penyediaan dan Pengendalian Makanan

Penyediaan dan pengendalian makanan di kelas Tabika Perpaduan yang bersih teratur dan selamat adalah amat penting kerana ianya berkait secara langsung dengan pemberian makanan seimbang yang menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, peraturan dan prosedur dalam penyediaan dan



dititikberatkan demi mencapai matlamat tersebut. Peraturan-peraturan dan langkah – langkah penyediaan makanan untuk kanak-kanak Tabika Perpaduan telah digariskan dalam Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan Bil.8 Tahun 2006. Walau bagaimanapun, bagi memantapkan dan menambah baik peraturan tersebut, pindaan yang terkini diharapkan dapat meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak.

Kepentingan peraturan ini ialah supaya dapat menyediakan makanan yang berkhasiat, bersih dan seimbang untuk kanak-kanak bagi tujuan tumbesaran mereka yang baik di samping memupuk amalan pemakanan diet yang sihat. GTP menerapkan nilai-nilai murni dan pendidikan kesihatan kepada kanak-kanak melalui adab berkaitan kebersihan diri, makanan dan alam sekitar. Antara tanggungjawab GTP di dalam peraturan pengendalian makanan ini ialah guru perlu mengikut peruntukan makanan





yang ditetapkan mengikut bilangan hari persekolahan dan penyediaan makanan adalah sebanyak dua kali sehari iaitu sarapan pagi dan minum pagi atau makan tengah hari dan minum petang. GTP perlulah menyediakan makanan berdasarkan pyramid makanan seimbang seperti yang disyorkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Makanan tambahan yang bersesuaian boleh ditambah seperti kismis, bijirin, nestum dan sebagainya. Menu makanan perlulah disediakan dalam pelbagai variasi mengikut kesesuaian budaya kaum di Malaysia dan menu perlulah dipamerkan di kelas. GTP perlu membuat tuntutan makanan bagi setiap bulan menggunakan borang tuntutan yang disediakan dan perlu dilampirkan bersama salinan kedatangan kanak-kanak, surat cuti persekolahan, surat kelulusan dan PPN.

Penyediaan dan pengendalian pemberian makanan kanak-kanak di Tabika



memantau agar proses ini berjalan dengan lancar dan mengikut prosedur yang ditetapkan. GTP dan penolong guru dan pembekal makanan dikenali sebagai pengendali makanan perlulah mendapatkan suntikan vaksin Typhoid (Ty2) dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan.

### 1.2.3.2 Panduan Kenaziran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Panduan Kenaziran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah tertakluk di dalam Pekeliling MS ISO 9001:2008 di bawah Pengendalian Tabika Perpaduan (JPNIN/TP/05). Panduan ini digunakan oleh pihak penyeliaan dan kenaziran sebagai senarai semak untuk pemantauan perlaksanaan tugas-tugas GTP dan penolong guru





dalam pentadbiran dan pengurusan Tabika Perpaduan. Tujuan pemantauan dan penyeliaan dilakukan ialah untuk memastikan kualiti pentadbiran dan pengurusan Tabika Perpaduan berada di tahap paling tinggi dan mencapai visi, misi dan objektif jabatan. Di dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada tugas-tugas hakiki dan di luar bidang GTP yang terkandung di dalam Panduan Kenaziran ini. GTP bertanggungjawab di dalam pengurusan Tabika Perpaduan yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu pentadbiran dan pengendalian kelas, kewangan kelas, makanan dan pemakanan, keceriaan kelas, keselamatan, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP), inovasi dan kreativiti.

GTP bertanggungjawab di dalam pentadbiran dan pengendalian kelas dengan memastikan rekod kehadiran kanak-kanak ditanda dan dikemas kini pada setiap hari



menanda kedatangan waktu masuk dan keluar bertugas mengikut arahan dan GTP perlu mencatat sendiri kehadirannya bertugas atau waktu kecemasan. Profail kanak-kanak dan ibu bapa perlu disediakan oleh guru dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. GTP bertanggungjawab menguruskan buku-buku pelawat di Tabika Perpaduan dengan memastikan buku-buku ini disediakan dan diisi oleh pegawai yang membuat lawatan dan menyelia tabika. GTP juga perlu memastikan Pekeliling Pentadbiran TP Bil.1-9/2006 dan Prosedur MS ISO 9001:2008 yang berkaitan disimpan dan mudah diperoleh. GTP perlu menguruskan fail-fail berkaitan di dalam Prosedur MS ISO dan Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan disediakan dan dikemas kini serta di selenggara dengan baik termasuk surat-surat keluar dan masuk perlu dimintikan dalam kertas minit. Laporan-laporan juga perlulah dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan.





Dari aspek persediaan pengajaran dan pembelajaran, GTP perlu mengemas kini dan menyemak buku persediaan mengajar pada setiap hari. GTP juga perlu merancang rancangan aktiviti dalam dua kategori iaitu tahunan dan harian. Rancangan aktiviti tahunan perlulah dirancang berdasarkan KSPK semakan 2017 yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan persekitaran tabika serta pengajaran dan pembelajaran perlulah dijalankan dari mudah ke susah. Rancangan aktiviti harian pula perlulah mempunyai tunjang, standard pembelajaran, aktiviti dan catatan. Aktiviti yang dilaksanakan perlulah berpusatkan murid, mengikut tema, menggunakan pusat-pusat pembelajaran dan bahan bantu mengajar, menjalankan penilaian dan pentaksiran serta membuat penilaian kendiri secara bertulis.



GTP juga perlu mengemas kini, menyimpan, dan mempamerkan takwim tabika di kelas. Selain itu senarai buku-buku rujukan dan panduan GTP juga perlu direkodkan dan disimpan di kelas. Antara rekod-rekod dan dokumen lain yang perlu diuruskan dan dikemas kini oleh GTP ialah senarai alatan mengajar, rekod penilaian perkembangan kanak-kanak, rekod kemajuan kanak-kanak, hasil kerja kanak-kanak dipamerkan dan disimpan di dalam fail peribadi mereka. Selain itu bahan-bahan kurikulum yang menjadi tanggungjawab GTP untuk diuruskan dan dikendalikan ialah dokumen rasmi KSPK semakan 2017, huraihan KSPK, buku-buku panduan dan rujukan, pusat-pusat pembelajaran mengikut tunjang dan carta yang mengikut tema setiap hari perlulah sama dengan rancangan pengajaran.





GTP perlu menguruskan kewangan kelas dengan sebaiknya dan secara berhemah di mana Buku Tunai dikemas kini dengan merujuk fail kewangan berkaitan semua perbelanjaan perlu mempunyai bil atau baucar yang sah dan pengeluaran tunai tidak melebihi RM100.00 sehari , oleh itu GTP perlu sentiasa menyemak baki tunai di dalam ‘*petty cash*’ sebelum membuat sebarang pembelian atau pembayaran. Selain itu tanggungjawab GTP ialah memastikan semua perbelanjaan telah dijelaskan dalam tempoh dua minggu, manakala semua terimaan wang perlulah direkodkan dalam Buku Resit dan dikeluarkan secara sah. Buku Akaun bank, Buku Cek dan Buku Akaun Tunai perlulah disemak oleh pegawai dan sebelum itu GTP perlu menyemak dan mengemas kini buku-buku tersebut. Pengurusan Rekod Aset dan Rekod Daftar Inventori juga menjadi tugas guru untuk menyediakannya dan dikemas kini mengikut Prosedur Aset Alih Kerajaan (SK 17). Selain itu GTP perlu menyediakan dan mengemas kini Rekod



Harta Modal disediakan dan dikemas kini mengikut Prosedur Aset Alih Kerajaan, di samping memastikan nombor siri pendaftaran dicatatkan pada setiap peralatan dengan jelas. GTP juga perlu membuat semakan dan memastikan penyata akaun bulanan dan tahunan dihantar dalam tempoh yang ditetapkan.

Jadual menu makanan yang seimbang dan berzat disediakan oleh GTP dan dipamerkan di ruang makan di kelas dan GTP perlu memastikan makanan yang disediakan dengan pemakanan yang seimbang. di samping itu, GTP perlulah memastikan makanan yang disediakan mengikut menu yang disediakan dan menyemak resit pembelian bahan basah dan bahan makanan yang disediakan mengikut jadual menu. GTP juga perlu memastikan peralatan yang digunakan bersih dan sesuai dengan kanak-kanak seperti penggunaan tuala yang bersih, cawan, mangkuk dan peralatan dan





penggunaan apron bersih. Peraturan-peraturan asas sebelum, semasa dan selepas makan dipatuhi seperti mencuci tangan.

Keceriaan kelas perlu dikekalkan dan GTP perlu memastikan sudut-sudut pembelajaran dan susun atur perabot adalah menarik, selesa dan selamat. Keceriaan di luar kelas juga perlu dititik beratkan seperti landskap yang menarik, peralatan mainan luar yang selamat, berkeadaan baik dan bersih untuk digunakan serta di selenggara dengan baik. Penampilan GTP juga penting untuk mewujudkan suasana kelas yang ceria dan menarik, GTP perlu berada dalam keadaan kemas dengan memakai tanda nama dan menggunakan pakaian yang bersesuaian. GTP perlulah memberikan perhatian kepada kanak-kanak, bersifat mesra, mudah didekati, sedia membantu, mewujudkan suasana yang riang serta berupaya menarik perhatian kanak-kanak di



Aspek keselamatan merupakan tanggungjawab terbesar guru Tabika Perpaduan (GTP) di mana GTP perlu sentiasa memastikan ruang di dalam kelas dan tandas dipasang dengan lampu dan lantai tidak licin. GTP perlulah memastikan peralatan berbahaya seperti benda tajam, racun nyamuk, peralatan elektrik, sumber api dan lain-lain disimpan dalam keadaan selamat di tempat yang selamat. Tangga di dalam kelas dipasang dengan susur tangga (railing) yang rendah dan bersesuaian dengan kanak-kanak dan anak tangga perlulah dialas dengan bahan yang lembut serta tidak terlalu curam. GTP juga perlu memastikan kuasa elektrik berada di paras tinggi dan tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak. GTP juga perlu memberi perhatian kepada tanaman-tanaman pokok hiasan di luar kelas supaya tiada pokok yang berduri dan beracun serta diselenggarakan dengan baik seperti memotong rumput. Label keselamatan perlu





diletakkan di tempat-tempat tertentu dan alat-alat di taman permainan perlulah bersih dan selamat digunakan. Manakala pagar pula perlulah kukuh dan diperbuat daripada bahan yang kukuh. Selain itu alat pemadam api perlulah diselenggarakan supaya sentiasa berada dalam keadaan sedia untuk digunakan pada waktu kecemasan. Pelan Tindakan Pergerakan Kecemasan perlulah disediakan dan Latihan Kawalan Kecemasan perlu diadakan dua kali setahun dan laporan di kemukakan kepada pegawai.

GTP bertanggungjawab dalam hal berkaitan perihal Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) iaitu mengemas kini fail JPTP dan rekod kehadiran mesyuarat, memastikan rekod yang menyatakan JPTP ditubuhkan dalam tempoh dua bulan bermula sesi persekolahan disimpan, membuat semakan ke atas senarai keahlian JPTP dan minit mesyuarat yang disahkan oleh pegawai. GTP juga perlu memastikan aktiviti dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dan memastikan Laporan Aktiviti yang telah dijalankan dikemukakan dalam masa dua minggu selepas dijalankan.

Kajian ini mentakrifkan bebanan tugas di luar bidang guru Tabika Perpaduan (GTP) berdasarkan tugas-tugas yang disenaraikan seperti di atas kerana istilah sebenar tanggungjawab seorang guru dalam konteks pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Guru yang terkandung di dalam Standard Guru Malaysia (2009) ialah seorang guru yang berpikerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan budaya negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab sebenar guru ialah menjamin perkembangan individu iaitu pelajar, memelihara perpaduan dan demokrasi masyarakat dan sekaligus menjadi agen kepada perubahan





dalam dunia pendidikan yang dinamik. Selain itu, guru juga harus berpandangan progresif dan saintifik dalam meneroka ilmu pengetahuan yang berterusan demi meningkatkan kemahiran dan potensi pelajar. Guru juga perlu berperanan sebagai model, menunjukkan teladan, moral yang baik, beretika dan profesional. Guru perlu memberikan fokus dan tumpuan kepada amalan penaakulan logik di dalam tugas-tugas profesionalnya dan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru bertanggungjawab meningkatkan profesionalnya untuk menjaga kualiti dan mutu pendidikan serta sentiasa berusaha mencapai aspirasi negara, menghayati kebudayaan dan patriotisme serta memastikan pelajar berkembang secara menyeluruh dari jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Guru juga adalah sebahagian dari ahli masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan negara dan membantu masyarakat mencapai aspirasi. Jelas di sini bahawa tugas-tugas di luar bidang guru Tabika Perpaduan (GTP)



yang dimaksudkan di dalam kajian ini tidak selaras dengan Falsafah Pendidikan yang sebenar yang sepatutnya memberi fokus kepada pembentukan dan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin melalui pendidikan dan ilmu yang disampaikan.

#### 1.2.4 Tugas-Tugas Yang Menjadi Bebanan Kepada GTP

Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018 dan Panduan Kenaziran JPNIN telah menetapkan tugas-tugas seorang GTP yang merangkumi pengurusan dan pentadbiran kelas Tabika Perpaduan, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP), pengendalian kewangan kelas, keselamatan, kebersihan, keceriaan, penyediaan dan pengendalian makanan kanak-kanak, persediaan pengajaran dan pembelajaran.





Berdasarkan tugas-tugas ini pengkaji akan melihat sejauh mana ia membebangkan GTP dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai guru.

#### 1.2.4.1 Pengurusan dan Pentadbiran Kelas Tabika Perpaduan

Pengurusan dan pentadbiran kelas Tabika Perpaduan merangkumi tugas-tugas seperti menyelenggara dan menyediakan rekod-rekod kedatangan murid dan guru, profail kanak-kanak dan ibu bapa, rekod pelawat dan prosedur MS ISO sebanyak 12 buah fail perlu diselenggarakan. Selain itu, rekod keluar masuk surat perlu dikemas kini setiap masa, fail-fail ISO dan kelas perlu dikemas kini dan menyiapkan laporan-laporan bulanan yang perlu dihantar pada setiap bulan seperti Laporan Spesifikasi Output,



kenaziran, laporan aktiviti, laporan kewangan dan tuntutan makanan kanak-kanak.

Tugas-tugas ini adalah menjadi tanggungjawab GTP untuk dilaksanakan sepanjang mereka bertugas. Tugas ini dianggap membebangkan GTP kerana ia memerlukan peruntukan masa yang lebih sehingga perlu disiapkan selepas waktu mengajar, dibawa pulang ke rumah dan perlu disiapkan pada waktu cuti dan rehat GTP. Walaupun GTP dibantu oleh seorang Penolong Guru tetapi beliau tetap perlu memantau tugas-tugas tersebut supaya dilaksanakan dengan baik. Selain itu, tugas ini juga membebangkan kerana laporan-laporan yang perlu disediakan setiap bulan perlu mengikut tarikh yang ditetapkan. GTP terpaksa berkorban banyak masa untuk menguruskan dokumen-domumen dan fail-fail ini untuk dikemas kini, sedangkan dalam masa yang sama perlu membuat persediaan mengajar dan memberi tumpuan kepada perkembangan kanak-kanak pada setiap hari.





#### 1.2.4.2 Pengurusan Kewangan Tabika Perpaduan

Pengurusan kewangan kelas merupakan tanggungjawab utama Penolong Guru Tabika Perpaduan dalam penyediaan rekod buku tunai dan laporan kewangan bulanan dan tahunan. Namun semua transaksi kewangan kelas perlu dipantau dan mendapat kelulusan GTP termasuklah tanggungjawab menyemak laporan kewangan dan transaksi kewangan setiap hari. Antara tugas yang perlu dilaksanakan oleh GTP dan Penolong GTP ialah mengemas kini buku akaun tunai setiap hari, menyemak perbelanjaan harian supaya seimbang dengan baucar dan resit, menyemak baki tunai setiap hari, menyemak fail resit dan baucar serta perlu disahkan oleh pegawai, merekod stok dan inventori mengikut prosedur Aset Alih Kerajaan, menyediakan dan melegkapkan buku stok bekalan, mencatatkan no siri pendaftaran pada semua perabot



Di dalam konteks bebanan tugas pula pengurusan kewangan kelas juga membebankan GTP terutamanya pengurusan aset dan inventori di mana mereka perlu merekod dan melabelkan semua peralatan dan perabot di tabika. Tugas-tugas ini mengambil masa yang agak lama dan merumitkan kerana GTP perlu merekod penerimaan perabot dan peralatan di dalam fail secara teliti dan melabelkan perabot dengan segera. Pegawai JPNIN akan membuat pemantauan atau audit ke atas semua rekod aset ini dan GTP perlu memastikan semua peralatan dan perabot telah dilabelkan sebelum laporan Spesifikasi Output dihantar. Tugas ini membebankan sehingga menjaskan tugas-tugas lain seperti persediaan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Walaupun GTP dibantu oleh Penolong Guru tetapi oleh sebab tugas ini terlalu banyak GTP juga perlu membantu untuk menyiapkannya.





Selain itu tugas-tugas menyemak buku akaun tunai, resit dan baucar juga menjadi tanggungjawab GTP yang memerlukan tumpuan yang lebih teliti kerana pelbagai transaksi kewangan terlibat dalam masa sebulan. Oleh itu sekiranya buku tunai tidak dikemas kini setiap hari oleh Penolong Guru ia akan menyukarkan GTP untuk membuat semakan sebelum laporan dihantar ke pejabat. Tugas-tugas pengurusan kewangan membebankan GTP kerana sering berlaku akaun kewangan yang tidak seimbang antara perbelanjaan dan pendapatan tabika. Oleh itu GTP perlu memberikan tumpuan yang lama kepada tugas ini sehingga menjaskannya tugas yang lain.

#### 1.2.4.3 Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran



kerjaya mereka. Tugas ini merangkumi penyediaan rancangan pengajaran dan mengemas kini buku persediaan mengajar, membuat perancangan aktiviti-aktiviti harian dan tahunan berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan supaya bersesuaian perkembangan dan persekitaran kanak-kanak. Perancangan aktiviti harian perlu ditulis di dalam rancangan pengajaran harian (RPH) yang mengandungi tunjang, standard pembelajaran dan aktiviti. Aktiviti yang dirancang perlulah berpusatkan murid, mengikut tema, menggunakan pusat pembelajaran dan bahan bantu mengajar. GTP perlu membuat penilaian dan pentaksiran serta penilaian kendiri secara bertulis selepas sesi pengajaran dan pembelajaran.





GTP perlu menyediakan takwim tabika untuk diisikan di dalam fail dan setiap aktiviti yang telah dilaksanakan perlu didokumentasikan dengan lengkap berserta gambar. Selain itu, antara rekod-rekod dan fail-fail yang perlu diselenggarakan oleh GTP ialah rekod senarai buku-buku rujukan, alatan-alatan mengajar dan profil murid serta ibu bapa. GTP juga perlu menjalankan penilaian dan pentaksiran perkembangan kanak-kanak secara berterusan berdasarkan panduan yang telah ditetapkan dan ia perlu diselesaikan mengikut tarikh yang ditetapkan. Rekod kemajuan dan perkembangan kanak-kanak juga perlu dilengkapkan dan diisi oleh GTP dengan teliti dan telus kerana ia mengandungi rekod perkembangan kanak-kanak yang perlu dikongsi bersama ibu bapa. Berkaitan kurikulum pula, GTP hanya wajib menggunakan KSPK dan memastikan dokumen ini disediakan di kelas Tabika Perpaduan. GTP perlu menyediakan sudut-sudut pembelajaran bersesuaian dengan KSPK dan juga sudut hasil kerja kanak-kanak perlu dipamerkan di dalam kelas.



Di dalam konteks bebanan tugas ini GTP menghadapi tekanan dan bebanan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam penyediaan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana bebanan tugas dibahagian pengurusan dan pentadbiran yang terlalu banyak menyebabkan GTP sering mengabaikan tugas-tugas penyediaan rancangan pengajaran dan pembelajaran seperti tidak menyediakan rancangan pengajaran harian dan aktiviti serta tidak melengkapkan buku persediaan mengajar. Selain itu, bebanan tugas pengurusan juga menjaskan tanggungjawab GTP dalam merancang aktiviti yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan juga menjaskan proses penilaian dan pentaksiran perkembangan kanak-kanak kerana GTP perlu menyiapkan rekod-rekod dan fail-fail pengurusan terutamanya apabila ia perlu diaudit oleh pentadbir. Bebanan tugas yang terlalu banyak telah menyebabkan GTP





perlu mengorbankan masa cuti dan rehat mereka di hujung minggu dan cuti sekolah untuk menyiapkan sudut-sudut pembelajaran yang bersesuaian dengan kurikulum dan berhadapan pula dengan kekangan masa untuk mencari bahan-bahan pameran.

#### **1.2.4.4 Penyediaan dan Pengendalian Makan dan Minum Kanak-Kanak**

Tugas penyediaan dan pengendalian makan dan minum kanak-kanak adalah tanggungjawab Penolong GTP. Walau bagaimana pun GTP juga perlu memantau semua tugas pengurusan makanan kanak-kanak supaya mengikut panduan yang disediakan oleh JPNIN. GTP dan penolong GTP perlu berbincang mengenai perancangan menu harian yang perlu disediakan untuk kanak-kanak. Menu makanan



ini perlu seimbang dan mendapat kelulusan pentadbir sebelum dilaksanakan di kelas Tabika Perpaduan. GTP perlu memantau tugas penolong GTP supaya sentiasa mengikut menu yang telah ditetapkan kerana pentadbir akan datang untuk membuat pemeriksaan pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, GTP perlu memastikan dokumen dan laporan tuntutan makanan yang disediakan oleh penolong GTP adalah betul mengikut nilai tuntutan dan jumlah hari persekolahan supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan dana peruntukan makanan yang disalurkan oleh JPNIN. Tatacara penyediaan dan pengendalian makanan yang bersih perlulah dipatuhi oleh GTP dan penolong GTP seperti menggunakan peralatan yang bersih dan dicuci serta penggunaan apron. Selain itu, GTP dan penolog GTP diwajibkan mengambil suntikan dari Kementerian Kesihatan Malaysia untuk petugas-petugas yang mengendalikan pemakanan kanak-kanak di tabika.





Tugas penyediaan dan pengendalian makan dan minum kanak-kanak di Tabika Perpaduan adalah tanggungjawab penolong GTP dan perlu dipantau oleh GTP dalam pelaksanaannya. GTP bertanggungjawab menyemak dokumen-dokumen tuntutan bayaran makan dan minum kanak-kanak adaah mengikut prosedur dan format yang ditetapkan dan butiran tuntutan perlu jelas dan tidak disalah guna. Tugas-tugas pengurusan makan minum ini tidak terlalu membebankan GTP kerana ia dibantu oleh penolong GTP, namun kadangkala ia membebangkan apabila berlaku masalah dengan pembekal makanan yang dilantik enggan mengikut jadual menu yang telah ditetapkan oleh GTP. Apabila masalah ini berlaku, GTP terpaksa membatalkan surat perlantikan pembekal tersebut dan perlu mencari pembekal yang baru dan melalui prosedur perlantikan dan pengesahan daripada JPNIN yang mengambil masa agak lama. Secara tidak langsung masalah ini akan mebebankan GTP dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Selain itu juga GTP berhadapan dengan tugas menyemak dan mengemas kini laporan-laporan tuntutan makanan berdasarkan prosedur tertentu yang banyak dan merumitkan seperti perlu menyediakan resit-resit pembayaran kepada pembekal dan jumpah wang yang telah dibelanjakan. Semua resit dan laporan ini perlu mendapat tandatangan daripada pembekal makanan dan laporan dihantar kepada pentadbir pada setiap bulan.

#### 1.2.4.5 Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan Kelas

Memastikan keselamatan, kebersihan dan keceriaan di Tabika Perpaduan adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab GTP sebagai guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Tanggungjawab menjaga keselamatan kanak-kanak semasa di





kelas sepanjang sesi persekolahan perlu digalas oleh GTP kerana ia adalah amanah dan harapan yang diberikan oleh ibu bapa kepada GTP untuk menjaga keselamatan anak-anak mereka. Oleh itu GTP perlu memastikan langkah-langkah keselamatan yang terbaik telah diambil seperti memastikan ruang persekitaran kelas terutamanya tandas sentiasa dinyalakan lampu dan lantai tidak licin untuk mengelakkan kanak-kanak terjatuh. GTP perlu memastikan semua peralatan tajam dan berbahaya seperti racun serangga, bahan pencuci dan peralatan elektrik disimpan di tempat yang selamat dan tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Sumber kuasa elektrik juga perlu di tutup dengan penutup yang sesuai sekiranya berada di bawah dinding supaya kanak-kanak tidak boleh bermain dengannya. Kawasan persekitaran luaran kelas juga perlu sentiasa di selenggara dengan baik oleh GTP supaya sentiasa selamat daripada tumbuhan yang beracun dan berduri serta bebas dari haiwan berbisa seperti ular. Faktor keselamatan



seperti memastikan alat pemadam api di selenggara dengan baik dan tahu menggunakannya. Selain itu, setiap kelas Tabika Perpaduan perlu menjalankan latihan kawad kecemasan mengikut pelan sebanyak dua kali setahun dan laporan perlu dikemukakan kepada pentadbir.

Di dalam konteks keselamatan ini GTP tidak rasa ia terlalu membebangkan kerana ia adalah tanggungjawab yang sangat penting demi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin semasa di kelas. Walau bagaimana pun faktor fizikal bangunan dan kelas kadangkala menjadi punca kepada GTP tidak dapat melaksanakan tanggungjawab ini. Kelas dan bangunan tabika yang telah uzur boleh mengundang bahaya seperti kejadian pencerobohan, namun ini adalah di luar kemampuan GTP untuk menangani masalah ini. Begitu juga jika kelas yang ditempatkan di dewan orang ramai





di mana orang luar bebas keluar dan masuk ke kawasan ini semasa sesi persekolahan, ini akan menyebabkan GTP sukar mengawal keselamatan kanak-kanak dengan baik.

Tugas menjaga kebersihan dan keceriaan kelas perlu dilaksanakan oleh GTP dan penolong GTP bagi memastikan kelas sentiasa bersih dan ceria serta mampu menarik minat kanak-kanak untuk belajar di samping memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak belajar di Tabika Perpaduan. Bagi menyediakan persekitaran fizikal kelas yang bersih dan ceria memerlukan kreativiti guru untuk menghasilkan persekitaran yang cantik dan menarik seperti menyediakan sudut-sudut pembelajaran yang teratur dan sentiasa dikemas kini dengan bahan-bahan pemeblajaran terkini mengikut tema. Peralatan dan perabot juga perlulah disusun dengan kemas dan teratur serta selamat untuk digunakan oleh kanak-kanak. Selain kebersihan setiap ruang



pelbagai masalah kesihatan jika tidak dibersihkan dengan sempurna. Persekitaran luaran kelas seperti alatan permainan perlu dipastikan tahap keselamatannya baik seperti tidak berkarat dan reput kerana ia boleh membahayakan kanak-kanak. Selain daripada kebersihan dan keceriaan persekitaran fizikal kelas, penampilan GTP juga harus dijaga. GTP perlu sentiasa menjaga penampilan diri supaya kelihatan kemas dari aspek pakaian dan tingkah laku. Selain itu GTP perlulah menunjukkan sifat mesra, mudah didekati oleh kanak-kanak, sayang kepada mereka, berbudi bahasa supaya dapat mewujudkan persekitaran sosial yang ceria dan menyeronokkan kepada kanak-kanak.





Tugas menjaga kebersihan tidak terlalu membebankan GTP kerana ia adalah tugas Penolong GTP, hanya apabila ketiadaan mereka maka GTP perlu mengambil alih tugas tersebut. Manakala tugas keceriaan kelas pula menjadi tanggungjawab bersama GTP dan penolong beliau dan ia agak membebankan terutamanya pada awal tahun mula persekolahan. Ini kerana pada awal tahun permulaan persekolahan setiap tahun GTP perlu menyediakan persekitaran fizikal yang menarik dan ceria. Oleh itu, waktu cuti persekolahan pada penghujung tahun GTP perlu datang ke kelas untuk membuat pelbagai persiapan untuk menceriakan kelas tabika.

#### 1.2.4.6 Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP)



yang wajib ditubuhkan bagi setiap kelas Tabika Perpaduan. Jawatankuasa ini terdiri daripada GTP sebagai setiausaha, pengurus, timbalan pengurus, Penolong GTP sebagai bendahari, juruaudit, dan ahli jawatankuasa kecil yang dilantik dari kalangan ibu bapa dan ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Fungsi jawatankuasa ini adalah bagi tujuan membantu melancarkan pengurusan dan pentadbiran Tabika Perpaduan serta menjalankan hubungan kerjasama dalam pelaksanaan aktiviti dan program yang melibatkan KRT dan tabika. Antara tugas GTP sebagai setiausaha ialah perlu menyediakan dan menyelenggarakan fail JPTP mengikut prosedur yang ditetapkan dan memastikan semua rekod-rekod minit mesyuarat disediakan dan disimpan. Mesyuarat JPTP perlu diadakan sebanyak empat kali dalam setahun dan pengurusan mesyuarat ini adalah di bawah tanggungjawab GTP termasuk mengedarkan surat jemputan mesyuarat, mencatat dan menyediakan minit mesyuarat dan persediaan tempat serta





jamuan ringan. Selain itu laporan aktiviti dan kewangan tabika perlu dibentangkan di dalam mesyuarat JPTP ini.

Aktiviti dan program yang akan diadakan bersama KRT perlu dirancang bersama semasa mesyuarat ini. Kerjasama di antara KRT dan Tabika Perpaduan sepanjang tahun melibatkan pelbagai aktiviti dan program terutamanya program berunsurkan perpaduan. GTP memainkan peranan utama dalam memastikan semua aktiviti dan program dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Oleh itu, GTP perlu memberikan tumpuan kepada persediaan dan pengurusan aktiviti dan program yang akan diadakan dari aspek dokumentasi, kertas kerja, dana kewangan, pengurusan tempat, tentatif program dan pembelian bahan-bahan program.



terutamanya apabila perlu menghadiri mesyuarat program yang kebiasaannya diadakan pada sebelah malam atau hujung minggu kerana ia bergantung pada waktu kelapangan ahli JPTP yang lain. Tugas ini juga sering memberi kesan kepada pengurusan GTP terhadap tugas lain terutamanya terhadap pengajaran dan pembelajaran di kelas. Selain itu, GTP perlu terlibat dengan pelaksanaan program yang juga kebiasaannya diadakan pada sebelah malam, hujung minggu dan cuti sekolah. Keadaan ini telah menjelaskan proses penyediaan rancangan dan bahan-bahan pengajaran di samping mengganggu emosi GTP dan kualiti pengajaran dan pembelajaran pada hari seterusnya.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan sistem pendidikan Malaysia telah mengalami banyak perubahan terutamanya berkaitan peranan, tugas dan tanggungjawab guru dan ianya memberi kesan kepada perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pelbagai tugas dan tanggungjawab yang semakin bertambah disebabkan perubahan ini. Menurut Suleyman Goksoy dan Seyma Karaokur Akdag (2014) di dalam kajian mereka mengenai persepsi guru sekolah rendah dan menengah terhadap bebanan tugas menjelaskan bahawa guru-guru ini mentakrifkan bebanan tugas yang memberikan tekanan dan memperuntukkan banyak masa adalah tugas-tugas seperti memasukkan data-data, kertas kerja, menjaga keselamatan, mesyuarat pentadbiran dan pelbagai acara dan majlis. Manakala Siti Hajar Zakariah (2013) pula menyatakan bahawa bebanan tugas guru adalah tanggungjawab

yang perlu diselesaikan oleh guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Menurut beliau lagi bebanan tugas diukur daripada peruntukan masa yang diambil oleh guru untuk menyelesaikan tugas tersebut. Justeru itu kajian-kajian berkaitan bebanan tugas guru telah banyak dijalankan di pelbagai negara termasuk Malaysia bagi mengenal pasti faktor dan cadangan penyelesaian masalah ini.

Kajian-kajian berkaitan bebanan tugas guru juga telah banyak dijalankan di Malaysia bagi mengenalpasti tahap, definisi, faktor-faktor dan cadangan mengatasi bebanan tugas guru. Menurut sebuah kajian yang dijalankan oleh Norashid dan Hamzah (2014) melalui soal selidik ke atas seramai 380 orang guru yang bertugas di lima buah sekolah menengah daerah Ranau dan 193 daripadanya dipilih sebagai sampel kajian, mendapati bahawa tahap bebanan tugas bukan akademik guru adalah tinggi dari aspek pengurusan, disiplin pelajar, pentadbiran dan pengurusan kurikulum. Ini sejajar





dengan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dimana semua guru adalah guru disiplin bertujuan mengawal tingkah laku pelajar. Ianya bertujuan mewujudkan keharmonian dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Martin Belvisi, Riccardo Pianeti, Giovanni Urga (2016) telah menjalankan kajian soal selidik ke atas guru-guru dari sembilan buah sekolah rendah dan 15 buah sekolah menengah di Ducth berkaitan struktur organisasi (budaya dan hubungan) dan tugas yang berpotensi mempengaruhi perkembangan professional guru. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peranan pentadbir adalah sangat penting dalam menggalakkan perkembangan profesionalisme guru. Pentadbir perlulah lebih peka dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan profesionalisme guru, antaranya ialah suasana pembelajaran, sokongan sosial, menghormati dan menghargai



penglibatan guru dalam perkembangan profesionalnya. Pentadbir juga perlu prihatin dengan bebanan tugas yang diberikan kepada guru supaya ianya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

Isu bebanan guru di Malaysia telah dibahaskan di dalam Dewan Rakyat melalui dua Pemberitahu Pertanyaan Dewan Rakyat yang pertama bertarikh 24 November 2014, dalam satu sesi soal jawab diantara Y.B. Dr. Noor Azmi bin Ghazali dari Bagan Serai dan Menteri Pendidikan berkaitan apakah tindakan dan inisiatif kementerian mengurangkan bebanan tugas guru dan meningkatkan semangat guru melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Menteri Pendidikan bagi pihak kementerian telah menjelaskan bahawa beberapa inisiatif telah dirancang dan dijalankan iaitu Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui program Pemantapan Profesional Guru (PPG): Pengajaran Tugas Utama Guru. NBOS telah membuat kajian berkaitan





beban tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas tidak ideal dan isu pertindihan pengkalan data. Kajian terhadap beban tugas guru telah dibuat berkaitan jumlah tugas profesional dan bukan profesional yang boleh diajarkan kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah boleh meningkatkan kualiti profesional guru. Anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah merancang transformasi profesion guru kepada persekitaran yang lebih sesuai, menyediakan ganjaran mengikut prestasi dan laluan kerjaya yang lebih baik, infrastruktur dan kemudahan yang lebih lengkap. Ganjaran yang diberikan adalah bagi menggalakkan perkembangan profesional guru dengan lebih baik selain inisiatif perlaksanaan pengajaran, kepimpinan dan kepakaran adalah mengikut minat guru. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia percaya bahawa inisiatif-inisiatif yang dirancangkan dan dilaksanakan di dalam PPPM dapat mengurangkan bebanan tugas



Sebuah lagi laporan Pemberitahu Pertanyaan Dewan Rakyat bagi soalan nombor satu yang bertarikh 26 Oktober 2015, Y.B. Tuan Haji Mohd Fasiah bin Hj. Mohd Fakeh dari Sabak Bernam telah mengajukan soalan kepada Menteri Pendidikan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan bebanan tugas bukan hakiki seramai 500,000 orang guru supaya mereka lebih fokus kepada tugas hakiki tanpa menjaskannya. Menteri Pendidikan telah memberikan jawapan bahawa isu bebanan tugas guru telah lama dibahaskan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan beberapa kajian dari tahun 2006, 2010, 2012 dan 2015 dan telah menemui beberapa faktor yang menyebabkan bebanan tugas guru ini. Bebanan tugas guru bermaksud pelbagai tugas rencam yang dilakukan oleh guru sehingga menjaskan kualiti masa pengajaran dan pembelajaran serta amalan





profesionalisme guru. Antara tugas-tugas guru di sekolah ialah menguruskan data-data, perpustakaan, warden, guru kelas, guru disiplin, guru SPBT, Setiausaha PIBG, Setiausaha Peperiksaan, Setiausaha Kokurikulum, penyelaras ICT dan kerja-kerja perkeranian, kesemua tugas ini diklasifikasikan sebagai kerencaman tugas guru. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan, kerencaman tugas guru merangkumi kurikulum dan pentaksiran, kokurikulum, pengurusan hal-hal ehwal murid dari aspek keselamatan, kebijakan, kesihatan, bina insan, sistem maklumat, koperasi dan lawatan, pengurusan pejabat dan pentadbiran serta kewangan, pembangunan fizikal, pembangunan staf dan hubungan komuniti. Berdasarkan kerencaman tugas guru ini dapat disimpulkan bahawa peruntukan masa guru untuk menguruskan kurikulum adalah 48 jam seminggu, kokurikulum sebanyak dua hingga enam jam seminggu, pengurusan hal ehwal murid sebanyak enam jam seminggu dan jumlah keseluruhan masa adalah 56 hingga 66 jam



berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Justeru itu atas dasar keprihatinan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berjanji akan menangani masalah bebanan tugas ini melalui beberapa tindakan yang telah dirancang antaranya ialah memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri dan daerah adalah mengikut arahan pekeliling dari masa ke semasa. Sambutan majlis-majlis tertentu tidak boleh berlebih-lebihan sehingga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran guru dan murid. Kualiti kepimpinan sekolah ditingkatkan melalui Program *National Professional Qualification for Educational Leaders* (NPQEL). Selain itu pemantauan terhadap amalan melindungi masa pengajaran (MMI) dilaksanakan dan pemeriksaan pengintegrasian data melalui Single Sign On (SSO) di





mana guru tidak perlu lagi menggunakan pelbagai sistem untuk merekod data. Kementerian juga melancarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ke-8 yang memberi fokus untuk menangani isu bebanan tugas guru dibawah Teachers' Administration Workload melalui rintis *Repositioning of Teachers' Core Duties* di Melaka dan kedah akan diperluaskan ke negeri-negeri yang lain. Program rintis ini telah berjaya mengurangkan bebanan guru dalam kerja perkeranian, teknikal dan ICT dengan purata tiga hingga 7.4 jam seminggu.

Hasrat kerajaan untuk mengurangkan bebanan tugas guru akan dapat mengembalikan fungsi dan profesionalisme guru. Namun sejauh mana keberkesanan strategi-strategi yang dirancang ini mampu kekal mengurangkan bebanan tugas guru adalah bergantung kepada perlaksanaannya secara menyeluruh kepada semua institusi-



institusi pendidikan pelbagai peringkat di Malaysia. Berdasarkan konteks kajian ini pula, pengkaji memberikan fokus kepada bebanan tugas guru Tabika Perpaduan iaitu sebuah institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Walaupun Tabika Perpaduan masih memegang prinsip profesionalisme dan falsafah pendidikan yang sama dengan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, namun ianya berbeza dari aspek skop bebanan tugas. Tugas dan tanggungjawab guru Tabika Perpaduan adalah tertakluk kepada dokumen-dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh jabatan iaitu Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018 dan Panduan Kenaziran JPNIN. Antara tugas-tugas tersebut ialah pentadbiran dan pengendalian Tabika Perpaduan, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan, pengendalian akaun kelas, keselamatan, kebersihan, keceriaan dan pengendalian makanan dan minum kanak-kanak. Oleh itu, kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen





rasmi bagi mengenal pasti bebanan tugas guru Tabika Perpaduan dan kesannya kepada amalan profesionalisme guru.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) sentiasa memandang serius terhadap isu bebanan tugas guru pada masa kini. Menurut keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 01 Ogos 2015 yang bertajuk ‘NUTP bincang ringankan beban guru’ menyatakan bahawa NUTP sedia berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi mengenal pasti tugas-tugas bukan hakiki yang membebangkan guru. Menurut Presiden NUTP, Hashim Adnan, beliau menyokong usaha untuk mengkaji beban kerja guru diluar tugas mengajar kerana ahli NUTP lebih memahami bebanan-bebanan tugas guru berbanding pihak kementerian. Bebanan tugas tugs guru yang berlebihan memberikan kesan negatif kepada pencapaian prestasi akademik murid kerana guru tidak dapat



memberikan fokus kepada tugas mengajar sepenuhnya. Kementerian Pendidikan akan mengkaji bebanan kerja di luar tugas lebih 500,000 orang guru di seluruh negara bagi memastikan ianya tidak mengganggu tumpuan mengajar.

Kebanyakan permasalahan bebanan tugas guru adalah berkisar di peringkat prasekolah, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja dan dilihat masih ada institusi-institusi pendidikan yang lain seperti Tabika KEMAS dan Perpaduan yang juga berhadapan dengan isu bebanan tugas guru tetapi masih belum ada pihak yang menyedari masalah ini. Sedangkan jika dilihat dari aspek tanggungjawab dan peranan guru, di peringkat tabika inilah tempoh masa yang sangat sukar bagi seorang guru membentuk personaliti seorang insan yang masih kecil dan perlu diberi perhatian yang sepenuhnya berbanding kanak-kanak di sekolah rendah yang lebih matang. Memetik satu keratan akhbar





Utusan, 03 Januari 2017 bertajuk ‘Cadang lanjut tempoh belajar di Tabika Kemas hingga 5.00 petang’ telah menerima pelbagai reaksi terutamanya guru-guru Tabika KEMAS sendiri kerana mereka berasa bakal terbeban dengan tanggungjawab yang lebih berat dari sekarang. Menurut Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah cadangan melanjutkan tempoh persekolahan ini adalah bagi meringankan masalah ibubapa yang bekerja. Ibubapa yang bekerja memerlukan tempat transit anak-anak mereka pada sebelah petang, oleh itu, kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan tersebut atas dasar keprihatinan masalah ibubapa ini. Walau bagaimana pun, perlaksanaannya memerlukan kos yang tinggi dan perlu dikaji secara menyeluruh sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Pengkaji merupakan bekas guru Tabika Perpaduan dan beliau sangat memahami



isu-isu berkaitan bebanan tugas guru Tabika Perpaduan. Beliau menyatakan bahawa bebanan tugas yang diberikan oleh pihak jabatan sangat membebankan dan tidak diselaraskan secara sistematik sehingga menyebabkan guru-guru terpaksa membawa kerja ke rumah dan beliau pernah terpaksa menyiapkan kerja-kerja pentadbiran semasa cuti bersalin. Ini jelas menunjukkan bahawa isu bebanan tugas guru Tabika Perpaduan perlu diberi perhatian kerana ianya memberi kesan kepada tahap kesihatan dan kesejahteraan guru itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian Fatima Eid Zaid Al-Adwan dan Majed Mohammad Al-Khayat (2017) menyatakan bahawa guru prasekolah berhadapan dengan bebanan tugas seperti terpaksa menempuh masa yang kerja yang lebih lama, jumlah kanak-kanak yang terlalu ramai, perlu memenuhi kehendak ibu bapa dan pentadbir dan menghadapi tekanan dalam menguruskan tugas dan keluarga sendiri.





Kenyataan ini disokong juga oleh sebuah kajian yang dijalankan oleh *National Union of Teachers* (2013) berkaitan tahap tekanan yang dialami oleh guru-guru di Britain di mana data yang diperolehi pada tahun 2012 menunjukkan bahawa peningkatan sebanyak 10% guru mengambil cuti sakit kerana tekanan dalam tempoh empat tahun. Kajian ini juga menjelaskan bahawa akibat kesan tekanan kerja yang keterlaluan boleh menganggu tahap kesihatan guru dengan berlakunya simptom-simptom seperti sakit kepala, meningkatkan tekanan darah, jangkitan, masalah penghadaman, masalah hati dan kanser. Dapatan ini disokong lagi dengan data yang diperolehi menunjukkan 76 peratus guru menyatakan bahawa tahap tekanan kerja berlebihan telah memberi kesan kepada kesihatan mereka. Guru Tabika Perpaduan juga terpaksa bekerja dihujung minggu untuk mengikuti program anjuran jabatan dan tabika dan mereka mengalami tekanan akibat kesuntukan masa untuk membuat persediaan



mengajar dan katerpaksa my menggunakan rancangan pengajaran Peharian yang telah tbupsi digunakan sebelumnya. Ini jelas menunjukkan bahawa bebanan tugas guru Tabika Perpaduan memperuntukkan masa yang banyak sehingga menganggu waktu peribadi guru dan ini juga memberi kesan kepada prestasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Shlyi Chen dan Beth Philips (2018) antara faktor yang mempengaruhi perhubungan yang negatif antara guru dan kanak-kanak ialah efikasi diri guru, bebanan tugas, konflik dengan ibu bapa, kekurangan sokongan pentadbir dan ibu bapa serta kekurangan pendidikan dan pengalaman guru dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Menurut mereka lagi bebanan tugas seperti merawat kanak-kanak dan waktu bekerja yang panjang serta kekurangan bantuan dari penolong guru juga memberi tekanan emosi kepada guru prasekolah sehingga menjelaskan perhubungan dengan kanak-kanak dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian mereka.





Kenyataan ini juga disokong oleh Norashid dan Hamzah (2014), dalam kajian mereka berkaitan bebanan tugas dan motivasi pengajaran guru di Sekolah Menengah Daerah Ranau yang menayatakan bahawa bebanan tugas yang keterlaluan akan memberi kesan kepada prestasi guru kerana walaupun guru memperuntukkan lebih masa di sekolah, itu tidak bermakna amalan pengajaran dan pembelajarannya adalah berkesan. Guru ini juga menjelaskan bahawa mengalami kesukaran berbincang dan mendapatkan kerjasama dengan rakan-rakan lain dan pegawai-pegawai berkaitan pengagihan bebanan tugas ini.

Pengkaji juga menyatakan bahawa bebanan tugas Guru Tabika semakin bertambah berbanding 15 tahun sebelumnya, pada ketika itu, guru mempunyai masa yang banyak dan cukup untuk bersama-sama kanak-kanak dan keluarga untuk

memantau perkembangan mereka. Namun, sekarang guru sudah tidak mempunyai masa untuk memberi tumpuan dan sokongan kepada kanak-kanak. Kenyataan ini juga disokong oleh kajian *National Union of Teacher* di mana sebanyak 93 peratus guru mengakui bahawa tekanan kerja pada masa kini lebih mencabar dan semakin berat berbanding lima tahun kebelakangan ini. Berkisar mengenai isu berkaitan peluang melanjutkan pelajaran bagi guru Tabika Perpaduan menurut beliau, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah membuka peluang kepada guru-guru yang berkelayakan untuk memohon melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma Perguruan Prasekolah dengan tajaan penuh jabatan, namun sambutannya sangat mengecewakan kerana ramai guru-guru menolak peluang ini atas faktor masa dankekangan tugas-tugas sedia ada di tabika. Hasrat murni jabatan untuk meningkatkan perkembangan profesionalisme guru Tabika Perpaduan seharusnya disambut baik oleh guru-guru, namun ianya berlaku sebaliknya atas faktor kekangan bebanan tugas yang berat dan





mencabar. Kenyataan ini disokong oleh Peter Sellen (2016) dalam kajian beliau berkaitan bebanan tugas dan perkembangan profesionalisme guru-guru di sekolah menengah di England yang menyatakan bahawa kesan daripada memperuntukkan masa yang berlebihan terhadap tugas-tugas telah menghalang guru untuk meningkatkan perkembangan profesionalisme mereka.

Berdasarkan pengalaman pengkaji dan disokong oleh dapatan kajian-kajian yang lepas serta keratan akhbar jelaslah bahawa guru-guru termasuk guru Tabika Perpaduan dibebani tugas-tugas yang banyak. Namun kajian-kajian yang telah dijalankan adalah kepada guru-guru di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja dan masih belum ada kajian berkaitan yang dijalankan terhadap guru-guru Tabika Perpaduan. Oleh itu, kajian ini adalah dijalankan bagi memahami cabaran bebanan tugas dan kesannya terhadap amalan profesionalisme guru Tabika Perpaduan.

*Standard for Early Childhood Profesional Preparation Program NAEYC* (2009) menyatakan bahawa untuk menjadi seorang guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) yang profesional perlulah mempunyai ciri-ciri seorang guru yang menggalakkan perkembangan dan proses pembelajaran kanak-kanak. Guru juga perlu memahami dan cuba memenuhi keperluan kanak-kanak dan peka dengan isu-isu yang mempengaruhi perkembangan mereka. Di dalam konteks kajian ini, bebanan tugas yang banyak telah mempengaruhi penguasaan GTP terhadap ciri-ciri profesionalisme guru PAKK. Tumpuan GTP terhadap perkembangan kanak-kanak dan proses pembelajaran mereka akan terganggu dengan komitmen guru yang berlebihan terhadap tugas-tugas lain seperti pengurusan dan pentadbiran tabika. GTP tidak dapat membuat





persediaan mengajar yang baik untuk kanak-kanak disebabkan oleh bebanan tugas akan menjaskan perkembangan dan penguasaan kemahiran yang sepatutnya dicapai oleh mereka. Kenyataan ini disokong oleh Fatima Eid Zaid Al-Adwan dan Majed Mohammad Al-Khayat (2017) yang menyatakan bahawa tahap tekanan yang dialami oleh guru PAKK di dalam kerjaya mereka adalah dipengaruhi juga oleh faktor bebanan tugas yang banyak dan terpaksa bekerja lebih masa sehingga menjaskan kualiti kerja yang baik.

Bebanan tugas juga membataskan keprihatinan dan tanggungjawab GTP untuk memenuhi keperluan kanak-kanak kerana peruntukan masa yang sangat terhad dan juga tekanan yang dialami oleh GTP. Mereka perlu menghadiri pelbagai mesyuarat, aktiviti serta perlu menyiapkan tugas-tugas pentadbiran tabika sehinggakan mereka sendiri



tidak dapat memenuhi keperluan kanak-kanak. Keperluan kanak-kanak ini merangkumi pelbagai aspek perkembangan seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Perhubungan yang baik antara guru dan ibu bapa, masyarakat dan kanak-kanak merupakan ciri-ciri profesional seorang guru PAKK yang terkandung di dalam *Standard for Early Childhood Professional Preparation Program NAEYC* (2009). Perhubungan dengan ibu bapa perlu dijaga kerana ia merupakan komponen penting dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Kefahaman GTP terhadap keluarga dan komuniti persekitaran kanak-kanak akan membantu mereka memahami dan memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak. GTP juga perlu membantu ibu bapa melalui nasihat dan panduan berkaitan usaha meningkatkan perkembangan kanak-kanak melalui penglibatan aktif ibu bapa dan masyarakat dalam aktiviti pembelajaran di tabika. Walau bagaimana pun di dalam konteks kajian ini perhubungan di antara GTP





dan ibu bapa serta komuniti dari aspek penglibatan mereka dalam perkembangan kanak-kanak masih belum terbina dengan baik. Ini adalah kerana GTP sendiri masih belum dapat memberikan dorongan kepada ibu bapa untuk melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti pembelajaran di tabika. Penglibatan ibu bapa juga dilihat sangat terhad hanya kepada aktiviti-aktiviti tertentu sahaja seperti sambutan hari jadi kanak-kanak, program gotong-royong dan majlis sambutan perayaan sahaja. Bagi aktiviti yang melibatkan pembelajaran seperti mengajar dan merancang aktiviti pembelajaran yang berkesan untuk kanak-kanak adalah dilakukan sepenuhnya oleh GTP dan tidak membuka peluang kepada penglibatan ibu bapa. Keterbatasan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam konteks ini adalah disebabkan oleh sikap GTP yang masih belum terbuka untuk melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti di tabika.



melibatkan ibu bapa dan masyarakat terutamanya anjuran KRT adalah menjadi sebahagian bebanan tugas kepada mereka. GTP perlu menguruskan pelbagai program-program kemasyarakatan walaupun ia melibatkan ibu bapa kanak-kanak tabika sendiri tetapi semasa proses pengurusan program ini GTP berperanan sebagai pengurus program, justeru itu perhubungan antara ibu bapa dan guru dalam konteks ini tidak melibatkan soal perkembangan kanak-kanak. Perhubungan yang baik antara GTP dan ibu bapa tetap terjalin melaui penglibatan bersama dalam aktiviti kemasyarakatan, tetapi mereka tidak berkesempatan untuk berbincang tentang perkembangan anak-anak tabika. Selain itu, kekangan masa pada waktu persekolahan juga menyebabkan GTP tidak dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan ibu bapa dari sudut perbincangan perkembangan kanak-kanak. Selepas waktu persekolahan GTP akan bergegas untuk menghadiri mesyuarat atau menyiapkan laporan-laporan tertentu yang perlu disiapkan





segera. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya jurang komunikasi di antara GTP dan ibu bapa di mana ia menyebabkan GTP tidak dapat memahami kanak-kanak dan keluarga bagi membantu memenuhi keperluan kanak-kanak tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Sehba Mahmood (2013) yang menyatakan bahawa guru-guru PAKK menghadapi masalah dalam menjalinkan hubungan baik dengan ibu bapa kerana faktor guru yang tidak memahami apa yang diharapkan oleh ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka di tabika. Di samping itu terdapat ibu bapa yang kurang berminat untuk melibatkan diri di dalam aktiviti pembelajaran anak-anak serta tidak suka bercakap mengenainya.

Sebagai seorang guru PAKK, GTP perlu mempunyai azam untuk meningkatkan profesionalisme mereka bagi menjaga kualiti perkhidmatan yang diberikan. GTP perlu

sama ada secara formal atau tidak. Pengetahuan dan kemahiran berkaitan PAKK sama ada secara formal atau tidak. Pengetahuan dan kemahiran yang luas GTP dalam PAKK adalah sangat penting kepada kanak-kanak, keluarga, komuniti dan diri GTP sendiri supaya memastikan mereka dapat memahami profesi mereka dan memenuhi keperluan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak, keluarga dan masyarakat.

Di dalam konteks bebanan tugas pula, komitmen GTP terhadap tugas-tugas seperti pentadbiran dan pengurusan makan dan minum kanak-kanak serta kewangan kelas sering menganggu proses meningkatkan profesionalisme GTP. GTP perlu menguruskan pelbagai dokumen dan fail yang perlu sentiasa dikemas kini mengikut arahan jabatan, oleh itu peruntukan masa yang lebih perlu diberikan kepada tugas-tugas ini sehingga menghalang hasrat GTP untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang PAKK. Pengendalian makan minum dan kewangan kelas adalah menjadi





tanggungjawab Penolong GTP namun GTP perlu memantau dan menyemak setiap tugas yang dilakukan oleh penolong GTP seperti meluluskan dan menyemak perbelanjaan dan aliran tunai kelas, memastikan menu dan pengendalian makanan adalah mengikut manual prosedur yang ditetapkan.

Bebanan tugas GTP ini menyebabkan mereka tidak berkesempatan untuk menilai semula sejauh mana amalan profesionalisme mereka berada di landasan yang betul sebagai seorang guru PAKK. Di Tabika Perpaduan hanya GTP dan Penolong GTP yang akan menguruskan hal-hal berkaitan keselamatan, kebersihan dan keceriaan kelas, oleh itu peruntukan masa yang lebih perlu diberikan kepada tugas-tugas ini terutamanya pada hujung minggu dan cuti persekolahan. Keadaan ini mendorong kepada tercetusnya tekanan emosi dan keletihan fizikal GTP sehingga menganggu proses meningkatkan profesionalisme mereka.



Amalan reflektif yang berkesan di dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan antara ciri-ciri profesional seorang guru PAKK. Oleh itu setiap guru perlu mengamalkan amalan reflektif dalam pengajaran mereka. Guru yang reflektif perlu sentiasa membuat pemerhatian dan mengkaji semula proses perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang dijalankan supaya berkesan dan bersesuaian perkembangan kanak-kanak. GTP perlu mampu meneroka dari pelbagai perspektif teori perkembangan kanak-kanak bagi tujuan memahami mereka dan seterusnya dapat menyediakan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian. Menjadi seorang guru refektif bukanlah sesuatu yang mudah, cabaran sebagai seorang guru PAKK yang mempunyai pelbagai tanggungjawab lain seperti menguruskan tabika, menjaga kebersihan,





keselamatan, bebanan tugas pengurusan dan tugas-tugas lain sering menjadi penghalang kepada amalan reflektif berkesan GTP.

Pengalaman pengkaji sebagai guru PAKK di Tabika Perpaduan mendedahkan bahawa bebanan tugas yang perlu disiapkan segera sering mengganggu tumpuan beliau semasa mengajar. Kadangkala beliau perlu keluar ke pejabat semasa mengajar untuk menghantar dokumen tertentu atas arahan pentadbir dan terpaksa meninggalkan kelas kepada penolong GTP. Perkara ini menjelaskan emosi dan perkembangan kanak-kanak dan juga proses pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut. Bebanan tugas seperti perlu menyiapkan laporan-laporan bulanan iaitu kewangan, makanan dan aktiviti boleh menjelaskan proses perancangan pengajaran dan pembelajaran berkesan kerana mereka perlu memberikan tumpuan kepada tugas tersebut. Di dalam konteks kajian ini pula

akan melihat sejauh mana kesan bebanan tugas GTP terhadap amalan reflektif mereka

di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mendalam dan terperinci mengikut kriteria tertentu.

Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) yang profesional perlu melaksanakan amalan etika dan tanggungjawab semasa melaksanakan tugas mereka.

*Code of Ethical Conduct NAEYC* (2005) telah menetapkan empat seksyen etika tanggungjawab guru PAKK iaitu etika tanggungjawab terhadap kanak-kanak, keluarga, rakan dan pentadbir serta komuniti dan masyarakat. Etika tanggungjawab terhadap kanak-kanak dan keluarga merangkumi tanggungjawab GTP dalam memberikan perkhidmatan PAKK yang berkualiti kepada kanak-kanak mengikut kesesuaian perkembangan dan peringkat umur. GTP sebagai seorang guru PAKK perlu sentiasa meneroka dan menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang mereka supaya dapat





memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kanak-kanak. GTP juga perlu sentiasa menjaga dan menghormati perbezaan setiap individu kanak-kanak dari aspek budaya, latar belakang keluarga dan persekitaran mereka. GTP juga perlu lebih prihatin dengan setiap masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dan bersedia membantu mereka.

GTP perlu menjalankan penilaian dan pentaksiran terhadap perkembangan kanak-kanak supaya dapat dikongsi dengan keluarga bagi membantu meningkatkan perkembangan mereka. Selain itu GTP juga perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga kanak-kanak melalui jalinan perhubungan dan komunikasi yang baik dalam menyampaikan maklumat berkaitan perkembangan kanak-kanak. Di samping itu, GTP juga perlu mengamalkan sikap menghormati setiap keluarga kanak-kanak sebagai individu yang paling rapat dengan kanak-kanak. Di dalam konteks bebanan



tugas pula berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri menunjukkan bahawa kekangan masa menjadi faktor yang mempengaruhi perlakusanaan tanggungjawab GTP kepada keluarga kanak-kanak. Walaupun pengaruhnya tidak terlalu ketara kerana GTP masih cuba sedaya upaya untuk memenuhi tanggungjawab ini.

Etika tanggungjawab terhadap rakan sekerja, pentadbir dan komuniti merangkumi jalinan perhubungan kerjasama yang berlaku antara semua pihak. Manakala hubungan dengan masyarakat merangkumi penglibatan GTP dalam aktiviti kemasyarakatan di tempat mereka bertugas. Bebanan tugas sedikit sebanyak menjelaskan jalinan kerjasama di antara GTP dan rakan sekerja serta pentadbir. Faktor tekanan emosi dan keletihan disebabkan bebanan tugas sering mewujudkan situasi yang sukar untuk mendapatkan kerjasama yang baik di kalangan rakan sekerja dan pentadbir. Selain itu, arahan daripada pentadbir yang tidak jelas juga mempengaruhi hubungan





kerjasama ini, di samping wujud sikap mementingkan diri sehingga menjelaskan hubungan kerjasama antara GTP, rakan sekerja dan pentadbir.

GTP memahami bahawa sebahagian tanggungjawab mereka adalah sebagai agen perpaduan yang merangkumi penglibatan mereka dalam aktivit kemasyarakatan yang melibatkan kanak-kanak dan keluarga di tempat mereka bertugas. GTP perlu menghadiri pelbagai majlis dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) pada hujung minggu dan waktu malam dan urusan ini perlu diberi keutamaan oleh GTP kerana ia adalah tanggungjawab mereka. Namun begitu bebanan tugas seperti pengurusan tabika juga perlu diselesaikan oleh GTP pada masa yang sama. Oleh itu, GTP akan mengalami tekanan emosi dan keletihan yang mempengaruhi keberkesanan amalan profesionalisme mereka.



#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan memahami sejauh mana kesan bebanan tugas GTP memberi kesan kepada amalan profesionalisme dan etika mereka sebagai guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Tugas seorang GTP telah dinyatakan di dalam Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018 dan Panduan Kenaziran JPNIN yang merangkumi tugas-tugas pentadbiran dan pengendalian kelas Tabika Perpaduan, pengurusan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP), pengendalian kewangan kelas, menjaga keselamatan, kebersihan, keceriaan kelas, penyediaan dan pengendalian makan minum kanak-kanak tabika. Walaupun tugas-tugas ini merupakan tugas-tugas





rasmi GTP tetapi kajian ini ingin meneroka sejauh mana ia membebankan dan memberi kesan kepada amalan profesionalisme GTP.

Kajian ini juga meneroka dengan lebih mendalam sejauh mana GTP memahami ciri-ciri profesionalisme seorang guru PAKK di dalam perkhidmatan mereka. Amalan etika pula merupakan pelaksanaan tanggungjawab GTP terhadap kanak-kanak, ibu bapa, rakan sekerja dan pentadbir, komuniti dan masyarakat. Selain itu kajian ini juga mengkaji sejauh mana bebanan tugas memberi kesan kepada amalan etika tanggungjawab GTP dalam perkhidmatan mereka. Amalan reflektif yang berkesan oleh seorang guru PAKK sangat penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kelas. Terdapat enam ciri-ciri guru reflektif yang perlu diamalkan oleh GTP iaitu pertama, guru perlu tahu sejauh mana dia memahami kanak-kanak, kedua, guru perlu mendalami jiwa dan perasaan serta memahami dari perspektif kanak-kanak, ketiga, guru memahami kepentingan persekitaran fizikal yang sesuai dan perkembangan emosi kanak-kanak, keempat, guru perlu sentiasa meneroka perkembangan kanak-kanak dari pelbagai perspektif dan guru perlu mempertimbangkan peluang untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak. Di dalam konteks bebanan tugas ini pengkaji dapat memahami sejauh mana ia memberi kesan kepada GTP dalam perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Amalan kolaborasi dan kerjasama di antara GTP, rakan sekerja dan pentadbir di dalam pengurusan bebanan tugas telah dilaksanakan di Tabika Perpaduan bagi membantu GTP menjalankan tugas. Walau bagaimana pun masih terdapat cabaran-cabaran dalam pelaksanaan amalan kolaborasi ini seperti wujudnya perselisihan faham





dan pendapat, sikap mementingkan diri sendiri dan sikap pentadbir yang kurang memahami situasi tekanan dan masalah yang dihadapi oleh GTP.

### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan lima objektif yang ditetapkan iaitu:

1. Meninjau persepsi guru Tabika Perpaduan terhadap bebanan tugas.
2. Melihat tahap pemahaman guru Tabika Perpaduan terhadap profesionalisme guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak.
3. Meninjau kesan bebanan tugas terhadap amalan etika guru Tabika Perpaduan
4. Meninjau kesan bebanan tugas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru
5. Mengenal pasti strategi yang dapat membantu guru Tabika Perpaduan menguruskan bebanan tugas.



### 1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab lima persoalan kajian iaitu:

1. Apakah persepsi guru Tabika Perpaduan Terhadap bebanan tugas?
2. Apakah tahap pemahaman guru Tabika Perpaduan terhadap profesionalisme guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak?
3. Apakah kesan bebanan tugas terhadap amalan etika guru Tabika Perpaduan?






4. Apakah kesan bebanan tugas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru Tabika Perpaduan?
5. Apakah strategi yang dapat membantu guru Tabika Perpaduan menguruskan bebanan tugas?

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual kajian pada Rajah 1.1, kajian ini merupakan sebuah kajian kes mengenai cabaran bebanan tugas terhadap amalan profesionalisme guru Tabika Perpaduan. Pertamanya kajian ini akan meninjau persepsi guru Tabika Perpaduan terhadap bebanan tugas. Keduanya kajian ini akan melihat tahap pemahaman guru Tabika Perpaduan terhadap profesionalisme sebagai guru Pendidikan

Awal Kanak-kanak dari aspek konsep pembelajaran sepanjang hayat, perkembangan profesional, menyokong perkembangan kanak-kanak keluarga dan kerjaya. Ketiga, kajian ini akan meninjau kesan bebanan tugas guru Tabika Perpaduan terhadap amalan etika guru yang terdiri daripada tanggungjawab terhadap kanak-kanak, keluarga, rakan dan pentadbir serta komuniti dan masyarakat. Keempat, kajian ini akan meninjau kesan bebanan tugas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek amalan reflektif. Kelima, kajian ini akan mengenal pasti strategi yang dapat membantu menguruskan bebanan tugas guru Tabika perpaduan.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian





## 1.8 Definisi Operasional Kajian

Penggunaan beberapa istilah di dalam kajian ini adalah di bawah definisi operasional yang berikut dan hanya digunakan bagi tujuan kajian ini sahaja.

### 1.8.1 Cabaran Bebanan Tugas

Istilah bebanan tugas guru Tabika Perpaduan yang diguna pakai di dalam kajian merujuk kepada tugas-tugas yang dinyatakan di dalam dokumen Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018 dan Panduan Kenaziran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Tugas-tugas tersebut ialah pentadbiran dan pengendalian



tabika, keselamatan, kebersihan, keceriaan tabika, pengendalian dan penyediaan makanan kanak-kanak. Cabaran bebanan tugas yang digunakan di dalam konteks kajian ini pula merujuk kepada sejauh mana tugas-tugas GTP yang terkandung di dalam pekeliling rasmi ini membebankan GTP sehingga memberi kesan kepada amalan profesionalisme, etika dan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kelas. Ia dikatakan sebuah cabaran kerana GTP perlu berhadapan dengan situasi di mana mereka perlu menguruskan bebanan tugas ini yang juga merupakan tugas rasmi mereka dan dalam masa yang sama perlu mengekalkan amalan profesionalisme dan etika mereka sebagai seorang guru PAKK.





### 1.8.2 Amalan Profesionalisme Guru Tabika Perpaduan

Istilah elemen-elemen profesionalisme dan etika guru Tabika Perpaduan yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan kriteria yang terdapat di dalam standard keenam, *Standards for Early Childhood Professional Preparation Programs NAEYC* (2009). Elemen-elemen profesionalisme yang digunakan ialah pembelajaran sepanjang hayat, perkembangan profesionalisme berterusan, menyokong perkembangan kanak-kanak, keluarga dan kerjaya, amalan kolaborasi dengan rakan sekerja dan pentadbir dan amalan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi elemen-elemen etika guru pula ialah tanggungjawab terhadap kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat dan komuniti, rakan sekerja dan pentadbir. Elemen-elemen ini digunakan di dalam kajian ini sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengukur



sejauh mana bebanan tugas memberi kesan kepada amalan profesionalisme dan etika GTP. Selain itu, pengkaji juga meneroka sebuah mana kefahaman GTP terhadap konsep amalan profesionalisme seorang guru PAKK berdasarkan elemen-elemen yang terkandung di dalam *Standards for Early Childhood Professional Preparation Program NAEYC* (2009).

### 1.8.3 Amalan Etika Guru Tabika Perpaduan

Amalan etika guru Tabika Perpaduan yang digunakan di dalam kajian ini ialah berdasarkan dan *Code of Ethical Conduct NAEYC* (2005) yang terdiri daripada empat etika tanggungjawab iaitu (i) etika tanggungjawab terhadap kanak-kanak, (ii) etika tanggungjawab terhadap keluarga, (iii) etika tanggungjawab terhadap rakan dan





pentadbir dan (iv) etia tanggungjawab terhadap komuniti dan masyarakat. Amalan etika tanggungjawab GTP ini adalah sebahagian daripada elemen-elemen profesionalisme guru PAKK. Di dalam konteks kajian ini ia digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang memerlukan pengkaji meneroka dan memahami sejauh mana bebanan tugas memberi kesan kepada amalan etika tanggungjawab GTP dalam kerjaya mereka.

#### 1.8.4 Guru Tabika Perpaduan

Guru Tabika Perpaduan merupakan guru PAKK yang memberi perkhidmatan di Tabika Perpaduan. Tabika ini merupakan prasekolah yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan ia ditubuhkan di kawasan



tabika juga adalah berdasarkan permintaan KRT tersebut. Tugas-tugas GTP adalah tertakluk kepada tugas-tugas yang terkandung di dalam Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan 2018 dan Panduan Kenaziran JPNIN yang merangkumi tugas-tugas mengajar kanak-kanak, mengurus dan mentadbir kelas, menguruskan JPTP, pengendalian kewangan kelas, menjaga keselamatan, kebersihan dan keceriaan , pengendalian dan penyediaan makan dan minum kanak-kanak tabika. Selain itu juga GTP juga ialah sebagai agen perpaduan yang bertanggungjawab memupuk nilai-nilai perpaduan di dalam diri kanak-kanak, keluarga dan masyarakat melalui aktiviti kemasayarakatan dan pendidikan yang dirancang bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan ibu bapa.





### 1.8.5 Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Pengkaji membuat pemerhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran guru Tabika Perpaduan menggunakan instrumen senarai semak reflektif *The Thinking Lens* untuk melihat sejauh mana keberkesanan amalan reflektif guru.

### 1.8.6 Pentadbiran

Tugas-tugas pentadbiran yang menjadi tanggungjawab GTP dalam kajian ini adalah merujuk kepada tugas-tugas seperti pentadbiran dan pengendalian kelas Tabika Perpaduan, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP), pengendalian akaun kelas Tabika Perpaduan, keselamatan, kebersihan dan keceriaan, penyediaan pengendalian makanaan.



### 1.8.7 Jawatankuasas Penyelaras Tabika Perpaduan

GTP sebagai setiausaha di dalam jawatankuasa ini dan bertanggungjawab menguruskan segala urusan dokumentasi mesyuarat, menguruskan mesyuarat dan minit mesyuarat, selain sebagai penandatangan urusan kewangan. Tujuan jawatankuasa ini ialah membentuk hubungan yang erat di antara ibu bapa, penduduk setempat, guru dan kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui pendidikan.





## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian cabaran bebanan tugas terhadap amalan profesionalisme guru Tabika Perpaduan ini memberikan beberapa kepentingan kepada pihak-pihak berkaitan iaitu kanak-kanak, keluarga, guru dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Kajian ini membantu keluarga untuk memahami isu bebanan tugas guru Tabika Perpaduan dan juga etika guru yang diamalkan oleh guru demi kepentingan perkembangan kanak-kanak, keluarga dan masyarakat. Selain itu, keluarga dan masyarakat seharusnya lebih menghormati dan memberi sokongan kepada dalam menjalankan tugas mereka, di samping membantu guru dalam perkongsian idea, pengetahuan dan bahan-bahan bantu mengajar. Keluarga dan masyarakat juga akan lebih memahami bahawa guru Tabika Perpaduan merupakan guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang profesional melalui



Sebagai seorang guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak fokus utama guru Tabika Perpaduan ialah memperkembangkan potensi diri setiap kanak-kanak secara holistik. Oleh itu, bebanan tugas yang ditanggung oleh guru perlulah menjadi agenda utama untuk ditangani kerana ia mampu menjadi penghalang kepada guru untuk menjalankan tanggungjawab meningkatkan perkembangan kanak-kanak ini secara menyeluruh. Bebanan tugas yang keterlaluan akan menyebabkan guru mengalami tekanan, keletihan emosi, kurang pencapaian diri dan mempengaruhi hubungan guru dan kanak-kanak yang boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti amalan reflektif guru berjaya ataupun tidak dalam meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara holistik dari aspek sejauh mana guru memahami kanak-kanak dengan lebih menyeluruh, penyediaan persekitaran fizikal dan sosioemosi





yang sesuai, meneroka dari pelbagai sudut pandangan dan membantu kanak-kanak menguasai kemahiran tertentu dengan pelaksanaan pelbagai tindakan susulan yang terbaik.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada guru Tabika Perpaduan itu sendiri supaya mereka lebih memahami ciri-ciri seorang guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang profesional yang perlu mereka miliki, di samping mereka akan lebih memahami kod etika guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang perlu mereka amalkan di dalam kerjaya mereka. Kajian ini juga akan membuka ruang dan peluang supaya isu bebanan tugas guru Tabika Perpaduan diketengahkan dan dapat dibantu oleh pihak-pihak berkenaan. Selain itu, guru juga akan lebih memahami cara yang terbaik untuk mereka menguruskan bebanan tugas.



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Negara (JPNIN) sebagai pentadbir Tabika Perpaduan di seluruh negara seharusnya mendapat manfaat daripada kajian ini untuk memahami masalah dan isu bebanan tugas yang dialami oleh guru-guru Tabika Perpaduan. Melalui kajian ini JPNIN akan lebih memahami dan mengenal pasti sejauh mana tahap dan ciri-ciri perkembangan profesionalisme serta kod etika guru ini difahami oleh dan dipatuhi. Selain itu JPNIN dapat membantu guru menguruskan tugas dengan lebih efektif dan meningkatkan motivasi guru melalui pelbagai inisiatif untuk menghargai guru. Jabatan juga boleh membantu guru dalam pengurusan masa dan tugas yang lebih cekap.





## 1.10 Batasan Kajian

Perlaksanaan kajian ini adalah terbatas kepada guru-guru Tabika Perpaduan sahaja kerana skop kajian telah ditetapkan hanya memberikan tumpuan kepada profesion guru Tabika Perpaduan. Kajian ini dijalankan berdasarkan Standard Keenam dalam *Standard for Early Childhood Professional Preparation Program* (2009) iaitu Menjadi Seorang Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang profesional kerana standard ini merangkumi kesemua aspek amalan profesional guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan ianya bertepatan dengan objektif kajian. Aspek profesional yang digunakan didalam kajian ini ialah amalan etika guru, pembelajaran sepanjang hayat dan perkembangan profesionalisme berterusan, kolaborasi dengan rakan sekerja, keluarga, ibu bapa dan pentadbir, amalan reflektif dalam pengajaran dan pembelajaran dan menyokong kanak-kanak, keluarga dan kerjaya. Manakala amalan etika guru adalah berdasarkan kod etika yang terkandung di dalam *NAEYC Code of Ethical Conduct* (2005) iaitu tanggungjawab terhadap kanak-kanak, keluarga, rakan sekerja dan pentadbir serta tanggungjawab terhadap komuniti dan masyarakat.

Pemilihan empat orang informan dan lokasi untuk kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang kaya dan mendalam berkaitan bebanan tugas guru Tabika Perpaduan. Pengkaji memilih informan di daerah ini sahaja kerana beliau pernah bertugas di Tabika Perpaduan di daerah ini dan telah memahami tugas-tugas guru disamping beliau juga sudah mengenali informan-informan ini. Oleh itu, hubungan baik yang telah terjalin akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dari pelbagai perspektif informan.





Pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk soalan temu bual terhadap lima orang guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di Perak. Pemilihan guru prasekolah KPM ini adalah berdasarkan skop tugas mereka adalah sama dengan GTP iaitu sebagai seorang guru PAKK dan pada masa yang sama perlu melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan dokumen, laporan dan juga tugas menjaga keselamatan, kebersihan dan keceriaan kelas. Walaupun kedua-dua prasekolah ini diletakkan di bawah kementerian yang berbeza tetapi ia masih berpegang kepada prinsip amalan profesionalisme dan etika tanggungjawab sebagai seorang guru PAKK yang sama. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa guru prasekolah KPM yang digunakan sebagai informan kajian rintis adalah bersesuaian dengan keperluan kajian bagi menguji ketepatan soalan-soalan temu bual yang di bina oleh pengkaji.



## 1.11 Kesimpulan

Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia semakin berkembang dan menunjukkan bahawa ibu bapa pada hari ini semakin sedar tentang betapa pentingnya pendidikan untuk anak-anak dari peringkat awal lagi demi untuk masa hadapan mereka. Ini adalah berikutan daripada perubahan-perubahan sistem pendidikan negara yang semakin pesat di peringkat sekolah rendah dan menengah, oleh itu pendidikan awal kanak-kanak juga perlu berkembang seiringan dengan sekolah aliran perdana. Perkembangan dan perubahan ini menjadi cabaran besar kepada guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak dalam menjalankan tanggungjawab mendidik anak-anak seawal usia 0 hingga 6 tahun. Kualiti pendidikan yang diberikan perlulah berada di tahap yang terbaik dan ianya memerlukan seorang guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
61

berpengetahuan dan berpengalaman luas dalam bidang ini disamping sentiasa mengamalkan amalan profesionalisme berkualiti didalam kerjayanya. Namun, bebanan tugas juga menjadi tanggungjawab guru Tabika Perpaduan kerana mereka terikat dengan tanggungjawab terhadap pentadbir. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauh manakah cabaran bebanan tugas memberi kesan kepada amalan profesionalisme guru Tabika Perpaduan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi